Bil. 30

Khamis
5 November 2020

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT

PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:
Penyelarasan Urusan Dewan Rakyat Berikutan Penularan Wabak Covid-19 (Halaman 1)

USUL-USUL:
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 4)

Merentikan Kuat Kuasa Peraturan Mesyuarat di Bawah P.M. 90(2) (Halaman 4)

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 7)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 14)

RANG UNDANG-UNDANG:
Rang Undang-undang Koperasi (Pindaan) 2020 (Halaman 36)

Diterbitkan Oleh:
SEKSYEN PENYATA RASMI
PARLIMEN MALAYSIA
2020

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Datuk Azhar bin Azizan @ Harun
2. " Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Mohd Rashid Hasnon [Batu Pahat] – PPBM
3. " Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Sri Azalina Othman Said, D.P.M.K., S.P.M.P., D.P.M.S., D.G.M.K., P.G.D.K. [Pengerang] – UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I., S.H.M.S., S.P.S.A., S.P.M.P., S.U.N.S., S.P.D.K., D.P., P.N.B.S. [Pagoh] – PPBM
2. Yang Berhormat Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali, S.P.M.S, D.S.M.S. [Gombak] – PPBM
3. " Menteri Kanan Pertahanan, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, S.S.A.P., D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. [Bera] – UMNO
4. " Menteri Kewangan, YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz [Senator]
5. " Menteri Kanan Kerja Raya, Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., A.B.S., S.S.A.P., D.G.S.M. [Petra Jaya] – PBB
6. " Menteri Kanan Pendidikan, Dr. Radzi bin Jidin – Senator
7. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Dato' Sri Mustapa bin Mohamed, S.J.M.K., S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S. [Jeli] - PPBM
8. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas), Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof, D.G.S.M. [Alor Gajah] – PPBM
9. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang), Dato' Takiyuddin bin Hassan, D.J.M.K., J.P. [Kota Bharu] - PAS
10. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri - Senator
11. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah dan Sarawak), Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P., S.P.D.K., D.G.S.M., [Kota Marudu] – PBS
12. " Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M., D.G.S.M. [Ayer Hitam] – MCA
13. " Menteri Alam Sekitar dan Air, Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian] – PAS
14. " Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M. Saravanan, D.M.S.M., P.M.W., A.M.N. [Tapah] – MIC
15. " Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa, P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., S.I.M.P. [[Ketereh] – UMNO
16. " Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rina binti Mohd Harun, D.G.S.M. [Titiwangsa] – PPBM
17. " Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Dr. Noraini Ahmad, D.S.A.P., D.M.S.M. [Parit Sulong] – UMNO
18. " Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. [Lenggong] - UMNO
19. " Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Hamzah bin Zainudin, S.P.M.P., D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. [Larut] – PPBM
20. " Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara] – UMNO
21. " Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, S.M.W., P.G.D.K., A.S.D.K. [Beluran] – PPBM

22. " Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad, D.M.S.M, S.S.A.P, P.J.N., D.P.M.K. [Mersing] – PPBM

23. " Menteri Luar Negeri, Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, S.P.M.P, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P., P.N.B.S., D.G.S.M., S.P.D.K. [Sembrong] – UMNO

24. " Menteri Perdagangan Dalam negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Alexander Nanta Linggi, D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., P.B.S., A.B.S. [Kapit] – PBB

25. " Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato' Saifuddin Abdullah [Indera Mahkota] – PPBM

26. " Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] – PPBM

27. " Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau] - UMNO

28. " Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S., J.B.S., J.S.M., P.N.B.S. [Santubong] – PBB

29. " Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali, D.M.P., D.I.M.P. [Kuala Nerus] – PAS

30. " Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, K.M.N., P.G.B.K., S.S.A.P. [Batang Sadong] – PBB

31. " Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, P.J.N., P.I.S. D.C.S.M. [Kota Tinggi] – UMNO

32. " Menteri Belia dan Sukan, Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican, D.I.M.P., S.S.A.P. [Kepala Batas] – UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Lim Ban Hong – Senator

2. " Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, D.I.M.P, S.S.A.P. [Tanah Merah] – PPBM

3. " Timbalan Menteri Kewangan I, Datuk Abd Rahim bin Bakri, D.M.S.M., A.S.D.K. [Kudat] – PPBM

4. " Timbalan Menteri Kewangan II, Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] – UMNO

5. " Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Eddin Syazlee bin Shith [Kuala Pilah] – PPBM

6. " Timbalan Menteri Pendidikan I, Dato' Dr. Mah Hang Soon, - Senator

7. " Timbalan Menteri Pendidikan II, Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar] – PPBM

8. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Tuan Arthur Joseph Kurup [Pensiangan] – PBRS

9. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas), Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] – UMNO

10. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang), Datuk Haji Shabudin Yahaya, P.J.K. [Tasek Gelugor] – PPBM

11. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] – PAS

12. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah dan Sarawak) Dato Hajah Hanifah Hajar Taib [Mukah] – PBB

13. " Timbalan Menteri Pengangkutan, Tuan Haji Hasbi bin Habibollah [Limbang] – PBB

14. " Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Air, Dato' Dr Ahmad Masrizal Muhammad – Senator

15. " Timbalan Menteri Sumber Manusia, Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang] - PAS

16. " Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat] – PPBM

17. " Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff, D.J.M.K. [Rantau Panjang] – PAS

18. " Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Mansor bin Othman, D.M.P.N. [Nibong Tebal] – PPBM

19. " Timbalan Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Tuan Ali anak Biju [Saratok] – PPBM

20. " Timbalan Menteri Dalam Negeri I, Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, D.I.M.P., S.M.P., K.M.N., S.S.A.P. [Kuala Krau] – UMNO

21. " Timbalan Menteri Dalam Negeri II, Tuan Jonathan bin Yasin [Ranau] – PPBM

22. " Timbalan Menteri Kesihatan I, Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali, D.P.M.P. [Bagan Serai] – PPBM

23. " Timbalan Menteri Kesihatan II, Datuk Aaron Ago Dagang, P.J.N. [Kanowit] – PRS

24. " Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K., D.G.S.M., S.S.A.P. [Jasin] – UMNO

25. " Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat] – PAS

26. " Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar I, Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad, D.I.M.P., S.M.P., A.M.P. [Lipis] – UMNO

27. " Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar II, Dato' Henry Sum Agong, P.B.S., P.S.B.S. [Lawas] – PBB

28. " Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Kamarudin Jaffar, D.S.N.S., B.C.M. [Bandar Tun Razak] – PPBM

29. " Timbalan Menteri Perdagangan Dalam negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] – PPBM

30. " Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Zahidi bin Zainul Abidin, D.M.S.M., S.M.P. [Padang Besar] – UMNO

31. " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib, S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C., D.I.M.P., D.S.A.P., S.S.A.P. [Maran] – UMNO

32. " Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] - PAS

33. " Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin, D.S.M., B.C.M., A.N.S., P.J.K., P.B.B., D.M.S.M., D.C.S.M., [Masjid Tanah] – PPBM

34. " Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi I, Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng, S.S.A.P., D.M.S.M., [Tanjong Piai] – MCA

35. " Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan komoditi II, Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo] – PKR

36. " Timbalan Menteri Perpaduan Negara, Dato' Sri Ti Lian Ker – Senator

37. " Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal – Senator

AHLI-AHLI (PN)

1. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim, P.J.N., D.I.M.P., J.P., S.P.D.K., S.J.M.K., S.S.A.P, D.H.M.S, D.C.S.M., P.J. [Baling] – UMNO
2. " Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang, S.S.M.T. [Marang] – PAS
3. " Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] – PAS
4. " Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M., P.J.K. [Pontian] – UMNO
5. " Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] – PAS
6. " Dato' Seri Ahmad Faizal bin Azumu, S.P.M.P. [Tambun] – PPBM
7. " Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub, P.J.N., K.M.N. [Machang] – UMNO
8. " Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris, D.I.M.P., [Jerantut] – UMNO
9. " Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] – PAS
10. " Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, S.S.A.P., D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., S.P.M.P., S.J.M.K., S.P.S.N,, S.P.D.K., D.U.N.M., P.N.B.S., D.P.M.K., [Bagan Datuk] – UMNO
11. " Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun, D.I.M.P., P.G.D.K. [Beaufort] – PPBM
12. " Dato' Sri Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., S.S.A.P. [Kinabatangan] – UMNO
13. " Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] – PAS
14. " Dato' Sri Hasan bin Arifin, D.S.A.P., S.S.A.P. [Rompin] – UMNO
15. " Dato' Hasbullah bin Osman, D.P.M.P., A.M.P., J.P. [Gerik] – UMNO
16. " Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, S.S.M.Z., D.P.M.T., P.J.K. [Besut] - UMNO
17. " Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu] – UMNO
18. " Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis] - UMNO
19. " Dato' Seri Mahdzir bin Khalid, S.H.M.S., S.S.D.K., D.P.M.P., J.P., B.K.M. [Padang Terap] – UMNO
20. " Dato' Haji Mohd Fasiah bin Mohd Fakeh, P.J.K., K.M.N. [Sabak Bernam] – PPBM
21. " Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.S.A.P, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T., D.J.M.K., [Padang Rengas] – UMNO
22. " Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit] – UMNO
23. " Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak, S.P.D.K., S.S.A.P., S.S.S.J., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.K., S.P.M.K., S.P.M.S., D.M.K., S.P.S.A., S.P.N.S., D.U.P.N., D.U.N.M, D.P. [Pekan] – UMNO
24. " Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] – PAS
25. " Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] – PAS
26. " Tan Sri Noh bin Haji Omar, P.S.M, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. [Tanjong Karang] – UMNO
27. " Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands] – UMNO
28. " Tuan Sabri bin Azit [Jerai] – PAS
29. " Dato' Haji Salim Sharif [Jempol] – UMNO
30. " Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim, S.P.M.P., S.S.A.P., A.M.P [Arau] – UMNO
31. " Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang] – PPBM

32. " Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. [Pasir Salak] – UMNO

33. " Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor, S.S.A.P., D.G.S.M., S.I.M.P., S.J.M.K., D.M.S.M., P.J.N., D.S.D.K., D.S.A.P., K.M.N., D.I.M.P. [Putrajaya] – UMNO

34. " Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S. [Gua Musang] – UMNO

35. " Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu] – PAS

36. " Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun] – PAS

37. " Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa [Sipitang] – PPBM

38. " Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran] – PPBM

AHLI-AHLI (PH)

1. Yang Berhormat Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid, D.S.P.N. [Kapar] – PKR

2. " Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar] – WARISAN

3. " Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] – PKR

4. " Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru] – PKR

5. " Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] – DAP

6. " Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson] – PKR

7. " Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan] – PKR

8. " Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] – PKR

9. " Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar] – WARISAN

10. " Tuan Cha Kee Chin [Rasah] – DAP

11. " Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] – DAP

12. " Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar] - PKR

13. " Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim] – PKR

14. " Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] – DAP

15. " Tuan Chong Chieng Jen [Stampin] – DAP

16. " Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] – DAP

17. " Datuk Christina Liew Chin Jin [Tawau] – PKR

18. " Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad, D.G.S.M. [Kuala Selangor] – AMANAH

19. " Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] – DAP

20. " Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] – PKR

21. " Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] – DAP

22. " Puan Hannah Yeoh [Segambut] – DAP

23. " Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] – AMANAH

24. " Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat] – AMANAH

25. " Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] – PKR

26. " Datuk Ignatius Dorell Leiking [Penampang] – WARISAN

27. " Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy [Kota Belud] – WARISAN

28. " Dato' Johari bin Abdul, D.S.D.K. [Sungai Petani] – PKR

29. " Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor] – PKR

30. " Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai] – PKR

31. " Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] – DAP
32. " Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] – DAP
33. " Tuan Kesavan a/l Subramaniam [Sungai Siput] – PKR
34. " Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam] – AMANAH
35. " Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] – DAP
36. " Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] – PKR
37. " Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] – PKR
38. " [Kosong] [Batu Sapi]
39. " Tuan Lim Guan Eng [Bagan] – DAP
40. " Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri] – DAP
41. " Tuan Lim Lip Eng [Kepong] – DAP
42. " Tuan Loke Siew Fook [Seremban] – DAP
43. " Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] – PKR
44. " Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri] – PKR
45. " Dato' Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K. [Pokok Sena] – AMANAH
46. " Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan] – WARISAN
47. " Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] – DAP
48. " Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja] – AMANAH
49. " Datuk Mohamaddin bin Ketapi [Lahad Datu] – WARISAN
50. " Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang] – AMANAH
51. " Datuk Wira Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir [Temerloh] – AMANAH
52. " Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut] – AMANAH
53. " Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K., D.S.A.P., D.M.S.M., J.P., S.P.M.P., S.P.D.K., P.G.D.K. [Semporna] – WARISAN
54. " Tuan Mordi anak Bimol [Mas Gading] – DAP
55. " Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau] – PKR
56. " Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa, D.G.S.M. [Parit Buntar] – AMANAH
57. " Puan Hajah Natrah Ismail [Sekijang] – PKR
58. " Tuan Nga Kor Ming [Teluk Intan] – DAP
59. " Dato' Ngeh Koo Ham, D.P.M.P. [Beruas] – DAP
60. " Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa] – PKR
61. " Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar] – PKR
62. " Puan Noorita binti Sual [Tenom] – DAP
63. " Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] – PKR
64. " Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh] – PKR
65. " Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] – DAP
66. " Dr. Ong Kian Ming [Bangi] – DAP
67. " Tuan Pang Hok Liong [Labis] – DAP
68. " Tuan P. Prabakaran [Batu] – PKR
69. " Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor] – DAP
70. " Datuk Rozman bin Isli, K.M.W., P.P.N. [Labuan] - WARISAN
71. " Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] – PKR
72. " Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong] – DAP

73. " Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya] – PKR
74. " Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail, D.G.S.M. [Kulim-Bandar Baharu] – PKR
75. " Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub, D.S.P.N. [Pulai] – AMANAH
76. " Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] – DAP
77. " Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] – PKR
78. " Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] – DAP
79. " Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh] – PKR
80. " Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau] – PKR
81. " Tuan Su Keong Siong [Kampar] – DAP
82. " Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] – PKR
83. " Tuan Tan Kok Wai [Cheras] – DAP
84. " Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju] – PKR
85. " Tuan Teh Kok Lim [Taiping] – DAP
86. " Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] – DAP
87. " Puan Teo Nie Ching [Kulai] – DAP
88. " Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara] – DAP
89. " Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] – DAP
90. " Dato' Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, D.P.P.N. [Pandan] - PKR
91. " Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau, J.S.M., P.G.D.K., J.P., A.D.K., S.P.D.K. [Tuaran] - UPKO
92. " Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] – PKR
93. " Tuan Wong Chen [Subang] – PKR
94. " Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] – DAP
95. " Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] – DAP
96. " Tuan Wong Ling Biu [Sarikei] – DAP
97. " Puan Wong Shu Qi [Kluang] – DAP
98. " Tuan Wong Tack [Bentong] – DAP
99. " Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam D.J.M.K. [Kuala Langat] – PKR
100. " Puan Yeo Bee Yin [Bakri] – DAP
101. " Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji [Raub] – DAP

AHLI-AHLI (BEBAS)

1. Yang Berhormat Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah [Kubang Pasu]
2. " Tuan Jugah a/k Muyang @ Tambat [Lubok Antu]
3. " Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]
4. " Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]
5. " Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]
6. " Datuk Dr. Shahruddin bin Md Salleh [Sri Gading]
7. " Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]

AHLI-AHLI (PBB)

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan]
2. " Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]
3. " Datuk Robert Lawson Chuat [Betong]
4. " Dato Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim, P.G.B.K., P.B.S., P.P.B., S.S.A.P. [Batang Lupar]
5. " Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]
6. " Tuan Haji Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]

AHLI-AHLI (PDP)

1. Yang Berhormat Tuan Anyi Ngau [Baram]
2. " Dato' Seri Tiong King Sing, S.S.S.A., D.S.S.A., J.P., P.J.N. [Bintulu]

AHLI-AHLI (PSB)

1. Yang Berhormat Dato' Masir Kujat, P.P.B., D.I.M.P., J.M.N. [Sri Aman]
2. " Tuan Baru Bian [Selangau]

AHLI-AHLI (SUPP)

1. Yang Berhormat Dato' Sri (Dr.) Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N., S.S.A.P. [Serian]

AHLI-AHLI (PRS)

1. Yang Berhormat Datuk Wilson Ugak anak Kumbong, P.J.N. [Hulu Rajang]

AHLI-AHLI (STAR)

1. Yang Berhormat Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen
Datuk Kamis bin Samin

Setiausaha Dewan Rakyat
Nizam Mydin bin Bacha Mydin

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Amisyahrizan bin Amir Khan

PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN PENYATA RASMI (*HANSARD*)
Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi
Alzian binti Baharudin
Halijah binti Mat Sin
Muhammad Qhidir bin Mat Isa

Siti Norlina binti Ahmad
Noraidah binti Manaf
Nor Hamizah binti Haji Hassan

Nor Liyana binti Ahmad
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli
Sherliza Maya binti Talkah
Nor Effazimmah binti Maliki
Nur Annisa binti Hamid
Herdawati binti Mohd Amir Abbu
Hasnah Sakinah binti Mohd Hashim
Nur Hazwanie binti Mohd Rozali
Nurul Atikah binti Basrudin
Ahmad Syahril bin Haji Sikari @ Sik'ari

Azmir bin Mohd Salleh
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa
Nor Kamsiah binti Asmad
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar
Julia binti Mohd. Johari
Syahila binti Ab Mohd Khalid
Ismalinda binti Ismail
Hazliana binti Yahaya
Amir Arshad bin Ab Samad
Hizamihatim Maggisa bin Juarah
Muhammad Firdaus bin Ahmad
Izzul Syazwan bin Abdul Halim
Maryam binti Azinuddin
Mohd Aizuddin bin Pahrol Laili

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PENGGAL KETIGA

MESYUARAT KETIGA

Khamis, 5 November 2020

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) ***mempengerusikan Mesyuarat****]*

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

PENYELARASAN URUSAN DEWAN RAKYAT BERIKUTAN PENULARAN WABAK COVID-19

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, kes penularan wabak COVID-19 ketika ini terus meningkat. Dalam menghadapi gelombang ketiga pandemik ini, langkah-langkah pencegahan dalam memastikan persidangan Dewan Rakyat dapat dilaksanakan dengan selamat akan terus dipertimbangkan.

Sehubungan dengan itu, Mesyuarat Penyelarasan Urusan Dewan Rakyat berikutan penularan wabak COVID-19 telah diadakan semalam bagi membincangkan perkara-perkara berkenaan dengan urusan Dewan Rakyat sepanjang Mesyuarat Ketiga, Penggal Ketiga, Parlimen Keempat Belas ini.

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan dihadiri Ketua-ketua WHIP seperti berikut:

(i) Yang Berhormat Gombak;

(ii) Yang Berhormat Bera;

(iii) Yang Berhormat Petrajaya;

(iv) Yang Berhormat Kota Bharu;

(v) Yang Berhormat Arau, yang mewakili Yang Berhormat Bagan Datuk;

(vi) Yang Berhormat Pasir Puteh;

(vii) Yang Berhormat Seremban;

(viii) Yang Berhormat Sungai Petani;

(ix) Yang Berhormat Hulu Langat; dan

(x) Yang Berhormat Labuan.

Dengan mengambil kira nasihat daripada pihak MKN dan KKM, serta syarat-syarat PKPB (CMCO), Ahli-ahli Mesyuarat tersebut telah bersetuju dengan keputusan-keputusan seperti berikut- panjang sedikit ya Yang Berhormat.

"Pertama, perubahan waktu persidangan dan urusan Mesyuarat mulai minggu hadapan, Isnin 9 November 2020 sehingga Selasa 15 Disember 2020 adalah seperti berikut:

(i) Dewan Rakyat akan bersidang bermula jam 10 pagi hingga 2 petang.

(ii) Sesi *Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawab Lisan* pada hari Isnin dan Rabu selama satu jam, 10 sehingga 11 pagi. Pada hari Selasa dan Khamis, Sesi *Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawab Lisan* selama 55 minit daripada 10.05 pagi hingga 11 pagi.

Hanya satu sahaja soalan tambahan dibenarkan dan soalan tambahan tersebut mestilah seringkas yang boleh.

(iii) *Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri* (MQT) akan dilaksanakan setiap Selasa dan Khamis selama 5 minit dari jam 10 pagi. Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan akan membaca soalan beliau dan Yang Berhormat Menteri berkenaan akan menjawab secara bertulis, disebutkan jawab secara bertulis pada hari yang sama. Soalan dan jawapan tersebut akan disiarkan di Portal Parlimen Malaysia secepat mungkin.

Kedua, perbahasan di peringkat dasar Rang Undang-udang Perbekalan 2021 selama 8 hari iaitu pada Isnin 9 November, Selasa 10 November, Rabu 11 November, Khamis 12 November, Isnin 16 November, Selasa 17 November, Rabu 18 November dan Khamis 19 November 2020.

Ketiga, jawapan Menteri di peringkat dasar kekal selama tiga hari iaitu pada hari Isnin 23 November, Selasa 24 November dan Rabu 25 November 2020.

Keempat, perbahasan di peringkat jawatankuasa selama 11 hari iaitu hari Khamis 26 November, Isnin 30 November, Selasa 1 Disember, Rabu 2 Disember, Khamis 3 Disember, Isnin 7 Disember, Selasa 8 Disember, Rabu 9 Disember, Khamis 10 Disember, Isnin 14 Disember dan Selasa 15 Disember 2020.

Kelima, jumlah hari persidangan Mesyuarat Ketiga ini boleh ditambah sebanyak dua hari lagi iaitu pada hari Rabu 16 Disember dan Khamis 17 Disember sekiranya diperlukan.

Keenam, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, jika Dewan Rakyat bersidang hingga pukul 5.30 petang dengan susunan Aturan Urusan Mesyuarat sedia ada, maka selama 89 jam dan 30 minit diperuntukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat untuk berbahas, termasuk jawapan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat Menteri dalam mempertimbangkan Belanjawan 2021 di peringkat dasar dan jawatankuasa.

Dengan peraturan yang baharu ini, maka tempoh perbahasan dari Yang Berhormat, termasuk jawapan oleh Yang Berhormat Menteri-menteri dalam mempertimbangkan Belanjawan 2021 di peringkat dasar dan jawatankuasa adalah selama 66 jam. Walaupun terdapat pengurangan daripada segi tempoh perbahasan dan jawapan tersebut, namun Ahli-ahli Yang Berhormat masih mempunyai tempoh yang mencukupi untuk mempertimbangkan Belanjawan 2021.

Ketujuh, kehadiran Ahli-ahli Yang Berhormat sepanjang tempoh persidangan Mesyuarat Ketiga, termasuk pembentangan Belanjawan 2021 pada Jumaat ini adalah seperti berikut:

(i) Dihadkan kepada 80 orang sahaja pada satu-satu masa di dalam Dewan Rakyat, termasuk Ahli yang akan berbahas, dengan pecahan pembahagian 41 pihak kerajaan dan 39 pihak pembangkang dan bebas.

■1010

(ii) penentuan Ahli Yang Berhormat yang boleh berada dalam Dewan akan ditetapkan oleh parti masing-masing.

Setiausaha Dewan Rakyat akan memberikan kad-kad khas tersebut kepada Yang Berhormat Kota Bharu untuk diselaraskan kehadiran di pihak anggota pentadbiran dan Ahli-ahli *backbenchers,* manakala di pihak pembangkang kad khas ini akan diberikan kepada Yang Berhormat Sungai Petani untuk kehadiran Ahli-ahli pembangkang dan Bebas.

Kelapan, sehubungan itu, Yang Berhormat adalah dipohon mengambil perhatian berhubung rekod kehadiran seperti berikut:

(i) seramai 80 orang Ahli Yang Berhormat yang diberikan kad khas tersebut boleh merekodkan kehadiran di komputer riba masing-masing seperti kebiasaan; dan

(ii) Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak diberikan kad khas pula boleh merekodkan kehadiran di Pintu 3, Blok Utama dan pintu masuk Blok Ahli Parlimen dan Pentadbiran dengan bantuan bentara yang ditugaskan di kedua-dua pintu tersebut untuk mencatatkan kehadiran Ahli-ahli Yang Berhormat.

Kesembilan, manakala bagi proses pengundian belah bahagian, loceng akan dibunyikan selama dua minit diikuti dengan penempohan selama 10 minit dan kemudian loceng dibunyikan selama dua minit lagi seperti yang telah dilakukan kepada Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga, Parlimen Keempat Belas. Untuk proses ini, kesemua Ahli Yang Berhormat dibenarkan untuk berada di dalam Dewan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekali lagi saya memohon jasa baik dan kerjasama semua Ahli Yang Berhormat untuk sentiasa mematuhi SOP persidangan Parlimen yang ditetapkan oleh pihak MKN dan KKM bagi kebaikan kita bersama. Langkah-langkah yang diambil ini adalah untuk tempoh sementara sahaja demi mengimbangkan tanggungjawab Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini dengan kepentingan menjaga kesihatan Ahli-ahli Yang Berhormat semasa berada di Parlimen berikutan penularan wabak COVID-19 ketika ini. Ia adalah demi kebaikan dan kemaslahatan semua pihak agar kita sama-sama terhindar daripada wabak yang membawa maut ini.

Sekian, terima kasih.

Datuk Azhar Azizan @ Harun,

Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

5 November 2020."

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Minta penjelasan sedikit. Tuan di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Tuan Yang di-Pertua. Kulai di sini. Boleh minta penjelasan sikit? Tadi, Tuan Yang di-Pertua sebut bahawa untuk MQT, jawapan tidak akan dibacakan dalam Dewan tetapi akan dipaparkan di dalam laman web kan?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Kalau begitu, boleh tidak saya minta bahawa oleh sebab masa untuk sesi soal jawab pada setiap hari telah dipendekkan kepada satu jam, maksudnya soalan yang akan naik akan dikurangkan.

Jadi, boleh tidak kita juga *upload* semua jawapan untuk sesi soal jawab dalam laman web Parlimen juga? Ini kerana kalau kita boleh buat untuk MQT, mesti kita boleh buat untuk soalan-soalan lain juga?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Jawab lisan? Baik.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih Yang Berhormat Kulai. Kita pertimbangkan apa yang telah dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Sila, Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, ada juga dibincangkan tempoh masa untuk berucap. Kita sebut perkataan *"15 minit ke-20 minit.",* kita tidak boleh bagi orang yang akhir itu 'lima minit'. Tidak boleh sebab kita akan sambung Dewan kalau sekiranya ada keperluan.

Jadi, kita minta supaya ditentukan tempoh 15 minit, 15 minit itu untuk semua sebab bukan semua orang mahu bercakap hingga habis. Semua orang sedang susun-susun, *traffic jams* ini untuk berucap awal. Jadi, kalau kita kata yang awal 15 minit, 15 minit semua kecuali Ketua Pembangkang selama satu jam setengah dan pihak kerajaan selama satu jam setengah, yang lain pula 15 minit. Bagi semua sama, jangan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jangan ditentukan yang akhir itu lima minit tidak adil sebab ini bajet untuk negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Arau, terima kasih.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Arau. Saya hendak tanya mengikut pengiraan kita sekarang, berapa panjangkah waktu untuk setiap orang Menteri menjawab? Ini kerana dahulu mereka boleh dapat lebih kurang satu jam ataupun 45 minit.

Akan tetapi sekarang nampaknya kita tidak panjangkan sidang kita, kita hanya bersidang sehingga pukul 2.00 petang sahaja. Jadi, untuk setiap orang Menteri, berapakah panjang masa untuk mereka menjawab? Kalau mereka hanya menjawab dalam tempoh 15 minit, saya rasa tidak berfungsi Parlimen ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih. Kita ambil kira jawapan-jawapan Menteri pada setiap perbahasan. Baik, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dulu jawab panjang, tak jalan pun.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

10.14 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Takiyuddin bin Hassan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

> "Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari Isnin, 9 November 2020 sehingga Selasa, 15 Disember 2020 bersidang dari pukul 10.00 pagi sehingga 2.00 petang."

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas) [Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

USUL

MERENTIKAN KUAT KUASA PERATURAN MESYUARAT DI BAWAH P.M 90(2)

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Takiyuddin bin Hassan]: Tuan Yang di-Pertua, menurut Peraturan Mesyuarat 90(2) dan dengan persetujuan Tuan Yang di-Pertua, saya mengemukakan usul untuk merentikan kuat kuasa beberapa peraturan mesyuarat iaitu:

(i) merentikan kuat kuasa Peraturan Mesyuarat 16(6) bagi membolehkan Persidangan Kamar Khas mulai Isnin, 9 November 2020, sehingga Selasa, 15 Disember 2020 diawalkan ke pukul 12 tengah hari sehingga pukul 2 petang atau setelah selesai urusan dalam *Aturan Urusan Mesyuarat Kamar Khas*;

(ii) merentikan kuat kuasa Peraturan Mesyuarat 24(3) dan 24(5) bagi membolehkan *Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan* dipendekkan tempohnya daripada 1 jam 30 minit, kepada 1 jam, pada hari Isnin dan Rabu, dan kepada 55 minit bagi hari Selasa dan Khamis dengan satu pertanyaan tambahan bagi Sesi *Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawab Lisan* mulai Isnin, 9 November 2020, sehingga 15 Disember 2020; dan

(iii) merentikan kuat kuasa Peraturan Mesyuarat 24(5A), 24A(5) dan 24A(7) bagi membolehkan Sesi *Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri* dipendekkan kepada 5 minit, yang mana Ahli yang mengeluarkan pertanyaan akan dipanggil untuk membaca soalannya, dan jawapan kepada soalan tersebut akan diberikan secara bertulis dengan tiada pertanyaan tambahan mulai pada hari Selasa, 10 November 2020 sehingga Selasa, 15 Disember 2020.

Sekian, terima kasih.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas) [Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya, sila Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Saya melihat Usul itu adalah daripada sekarang sehingga 15 Disember.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Betul.

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Adakah ini merupakan satu pengakuan bahawa kerajaan tidak mampu untuk menangani pandemik COVID-19 sehingga tidak ada kemungkinan bahawa ia akan bertambah baik?... *[Dewan riuh]*

Apa akan berlaku Tuan Yang di-Pertua, sekiranya dalam masa dua minggu tiba-tiba kes semua menurun, jumlah berkurangan? Adakah kita akan membenarkan satu usul baharu untuk kembali kepada sistem yang seperti biasa ataupun kita sudah buat keputusan...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Kita buat Usul lain, apalah!

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: ...Memang kerajaan ini tidak pandai tangani COVID-19 itu?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Saya persilakan.

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Relakslah, orang tanya...

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Takiyuddin bin Hassan]: Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Soalan saja-saja lah itu. Usul boleh dibuat pada bila-bila masa, boleh dipinda, boleh dibuat usul baharu.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Setuju! Setuju!... *[Dewan riuh]*

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Kenapakah tidak buat? Kenapa tidak buat satu bulan, satu bulan? Kenapakah terus sampai 15 Disember?

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Dengan persetujuan Yang Berhormat Shah Alam, kita ada konsep musyawarah. Empat orang Ketua Whip daripada pembangkang akan dirundingi sepanjang masa.

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: *Very pessimistic, very negative.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Shah Alam, sudah.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Setiausaha, teruskan...

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Tuan Yang di-Pertua mohon penjelasan, boleh saya mohon penjelasan?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Satu sahaja, ringkas. Seringkas yang boleh.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon penjelasan dari Yang Berhormat Menteri, saya difahamkan bahawa sekiranya kita mahu membuat persidangan melalui digital, *virtual*, kita perlu meluluskan satu rang undang-undang.

■1020

Saya ingin bertanya, adakah pihak kerajaan sedang berusaha untuk mengambil langkah-langkah membawa satu rang undang-undang supaya sekiranya keadaan lebih teruk- kita minta tidak berlaku, tetapi kita ada Pelan B. Bagaimanakah kita hendak teruskan sidang Parlimen? Ini kerana, sekarang pun *we are taking- we are not giving the* rakyat masa yang sewajarnya masa untuk membahaskan masalah-masalah tentang rakyat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kuantan. Terima kasih. Dipersilakan Yang Berhormat Menteri.

Puan Hannah Yeoh [Segambut]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Terima kasih. Saya jawab dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta Yang Berhormat Menteri...

Puan Hannah Yeoh [Segambut]: Minta penjelasan sahaja kepada Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Puan Hannah Yeoh [Segambut]: Kepada Tuan Yang di-Pertua sahaja mengenai soalan-soalan Parlimen. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya apakah platform untuk Ahli-ahli Parlimen yang bertanyakan soalan di Parlimen, tetapi kalau soalan itu tidak dijawab dengan teliti, apakah platform untuk kita untuk bertanyakan soalan sekarang?

Hal ini kerana, dulu kita ada platform untuk bertanyakan soalan tambahan. Jadi, sekarang ini saya minta petua daripada Tuan Yang di-Pertua, apakah platform kita?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik terima kasih. Kita beri ruang tadi, sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak beri penjelasan kepada Yang Berhormat Kuantan. Sebagaimana Yang Berhormat Kuantan maklum bahawa, segala perkara yang kita laksanakan kita buat berdasarkan Peraturan Mesyuarat.

Peraturan Mesyuarat satu undang-undang yang dibuat berdasarkan Perlembagaan, iaitu Perkara 62, fasal 1 jelas. Jadi, menyentuh mengenai *virtual sitting* ataupun persidangan secara *online*, memang tidak ada di dalam Peraturan Mesyuarat. Oleh sebab itu Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat Dewan yang dipengerusikan oleh Tuan Yang di-Pertua, wakil daripada sebelah sana Yang Berhormat Segambut dan Yang Berhormat Kuala Langat ada dalam jawatankuasa. Kita sedang meneliti perkara ini dan *insya-Allah* kalau perkara ini dirasakan boleh dilakukan secepat mungkin, ia akan dilakukan.

Tidak perlu bawa rang undang-undang hanya kita pinda *standing order* sahaja. Ini *in the process.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Kedua, Yang Berhormat Segambut tadi walaupun dia bertanya kepada Tuan Yang di-Pertua. Cadangan saya, kalau sekiranya soalan tidak sempat dijawab oleh kerajaan kita ada sesi perbahasan Bajet, kita boleh bangkit dalam perbahasan Bajet dan pada masa itu saya kira Yang Berhormat Menteri-menteri boleh menjawab perkara ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Jadi Yang Berhormat Menteri- Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Setiausaha sila.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Yang Berhormat Menteri. Jadi, Yang Berhormat Menteri boleh bagi jawapan tidak...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Kulai.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Untuk sesi penggulungan setiap Yang Berhormat Menteri akan dapat berapa panjang masanya untuk menjawab. Kalau mereka hanya dapat 20 minit...

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Jika tidak sempat, amalan kita biasa masa Kerajaan PH dulu pun secara bertulis.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Betul, tetapi sekarang, berapakah panjang masa untuk mereka untuk jawab? Dulu kita ada selama 40 minit sampai satu jam...

Puan Hannah Yeoh [Segambut]: Tuan Yang di-Pertua.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Sekarang, berapa minitkah yang dibagi kepada Yang Berhormat Menteri- adakah mereka hanya diberi selama 10 minit, 15 minit? Jadi, itu gaji butalah.

Puan Hannah Yeoh [Segambut]: Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Duduk Yang Berhormat Kulai, terima kasih Yang Berhormat Kulai. Tadi telah pun dijawab.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Jawablah Yang Berhormat Menteri. Kenapakah tidak mahu jawab?

Puan Hannah Yeoh [Segambut]: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ditanya kepada Tuan Yang di-Pertua, tetapi Yang Berhormat Menteri jawab. Saya rasa dalam platform Parlimen sekarang kalau kita tanya soalan...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tuan Yang di-Pertua, terus sahajalah Tuan Yang di-Pertua. Buat apa layan semua Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hannah Yeoh [Segambut]: Kalau kita tanya soalan kepada Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri yang jawab bukan Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi bila tanya...

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Ini buang masa semualah Tuan Yang di-Pertua. Ini hendak cari....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tak mengapa. Baik. Saya ingin teruskan kepada Urusan Peraturan Mesyuarat seterusnya. Sila Setiausaha.

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] minta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan, mengapa sehingga kini kerajaan masih lagi tidak melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) atau *'lockdown'* memandangkan berlakunya peningkatan kes COVID-19 yang agak kritikal dan tidak terkawal terutamanya di Sabah dan beberapa buah kawasan di Semenanjung yang berstatus zon merah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas) [Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof]: Terima kasih Yang Berhormat Arau. *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, tindakan kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula daripada 18 Mac 2020 adalah bagi memutuskan rantaian penularan wabak COVID-19 terutamanya setelah berlaku kluster terbesar iaitu kluster Seri Petaling.

Ternyata pelaksanaan PKP telah berjaya menurunkan keluk penularan wabak COVID-19 dan berjaya mencegah ketika itu daripada berlakunya gelombang kedua penularan wabak ini. PKP yang dibuat di Malaysia tidak seperti perintah berkurung-*curfew,* dengan izin atau *lockdown,* yang mana rakyat tidak dibenarkan keluar langsung untuk sebarang aktiviti di luar kediaman dan tiada langsung pergerakan di luar termasuklah membeli makanan dan keperluan.

Tindakan kerajaan membuat PKP ketika itu berikutan kerajaan belum lagi memperhalus kaedah-kaedah yang sewajarnya dibuat bagi menangani masalah penularan wabak COVID-19. Semasa itu, kerajaan sedang dalam fasa *work-in-progress* mengkaji *Standard Operating Procedure* (SOP) yang boleh diguna pakai bagi menjalankan aktiviti dengan memberikan keseimbangan kepada ekonomi, fizikal, kesihatan dan sosial. Empat fasa PKP yang berakhir pada 12 Mei 2020 telah digantikan dengan fasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bermula daripada 13 Mei hingga 9 Jun 2020.

Seterusnya, Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dan diteruskan dengan PKPP sejak 1 September hingga 31 Disember 2020 sebagai langkah dasar keluar- *exit strategy,* dengan izin, secara berhati-hati dengan pembukaan secara berperingkat hampir kesemua sektor ekonomi dan juga sosial berpandukan *Standard Operating Procedures*. Pendekatan PKPP ini dilaksanakan untuk memberikan keseimbangan antara aspek keselamatan kesihatan dan juga dari sudut aktiviti ekonomi supaya boleh berlangsung dan tidak terjejas.

Tanpa keseimbangan ini, kehidupan rakyat akan terjejas teruk sekiranya pendekatan PKP sebelum ini dilaksanakan akibat sekatan-sekatan yang menghalang aktiviti sosioekonomi berlaku. Bagi kes negeri Sabah, kerajaan telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di seluruh negeri Sabah bermula 13 hingga 26 Oktober 2020 dan disambung lagi sehingga 9 November 2020. Langkah ini diambil bagi membolehkan Kementerian Kesihatan Malaysia meneruskan tindakan saringan dan mengesan kontak rapat serta tindakan rawatan.

Keputusan ini iaitu untuk melaksanakan PKPB adalah bagi membolehkan aktiviti ekonomi terus dibenarkan beroperasi di dalam kawasan tersebut supaya tindakan melindungi nyawa ini dapat juga diimbangkan dengan keperluan menjana ekonomi. *Total lockdown* disebut pilihan yang masih boleh dipertimbangkan, tetapi buat masa ini belum perlu dilaksanakan kerana kita dalam peringkat pemulihan dan dalam dasar keluar- *exit strategy,* seperti yang saya sebutkan tadi.

Mekanisme pengurusan krisis negara yang telah dilaksanakan ini telah berjaya mengawal penularan wabak COVID-19 dan mengelakkan fasiliti kesihatan seperti hospital dan klinik terbeban dengan jumlah kes yang terlalu tinggi. Saringan COVID-19 hanya dilakukan ke atas mereka yang bergejala dan tidak dilakukan ke atas semua penduduk di negara Malaysia dan kita sedar bahawa wabak ini sedang berada dalam komuniti. Selagi tiada vaksin, siapa sahaja dan bila-bila masa sahaja boleh dijangkiti dengan virus ini.

Sekiranya *total lockdown* dibuat ia akan memberi kesan negatif kepada kesihatan mental dan ekonomi. Kerajaan mahu membuat kawalan yang seimbang melalui kaedah-kaedah pencegahan yang terbaik iaitu dengan membudayakan dan mengamalkan norma baharu kehidupan seperti penjarakan sosial dan pematuhan kepada kawalan kebersihan seperti kerap membasuh tangan dan menjaga kesihatan diri sendiri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap minggu Ahli-ahli Parlimen balik ke kawasan. Ada yang balik ke kawasan merah. Jadi, mungkin dia balik dia bawa penyakit ini ke Parlimen dan ada juga kemungkinan dia bawa dari Parlimen balik ke kawasan dia.

Jadi, saya hendak tanya apakah kerajaan bercadang untuk mengkuarantin semua Ahli Parlimen di satu tempat- yang sama serta diiringi menghadiri Dewan Rakyat selama tempoh persidangan ini berlangsung?

Adakah kerajaan akan mewajibkan setiap Ahli-ahli Parlimen dan para petugas untuk menjalankan *swab test* setiap minggu berbandingkan dua minggu sekali seperti yang telah disarankan semalam bagi mengelakkan berlakunya kluster baharu yang disebut kluster Parlimen.

Mengikut Yang Berhormat, di Perancis tiap-tiap 15 saat, satu COVID-19 positif di Perancis. Di Malaysia ini macam mana perkiraannya? Kalau Yang Berhormat tidak boleh jawab sekarang jawab bertulis. Terima kasih.

■1030

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih Yang Berhormat Arau. Sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Kalau kita lihat hari ini daripada segi angka adalah tinggi dan kita lihat membimbangkan. Akan tetapi atas sebab kita mempunyai kesiapsiagaan, mempunyai *public health system* yang begitu baik, ia tidak mencapai tahap yang kita agak kritikal. Kalau ia kritikal, kita telah melaksanakan *total lockdown.* Jadi kalau kita lihat *the rate of infection* hari ini dengan *rate of recovery, rate of recovery* ataupun *rate* pemulihan itu adalah lebih tinggi daripada *rate of infection* daripada segi *R naught* itu sendiri. Jadi, *R naught* ini masih lagi di bawah lebih kurang 1.0. Kalau kita faham apa dia itu *R naught.*

Kalau kita lihat pergerakan Ahli Parlimen tadi, kita telah pun mengadakan kaedah *zooning,* merah atau hijau, kuning dan kita sedang mengenal pasti perlunya kita

perketatkan lagi dengan mengadakan zon jingga ataupun *orange* sebelum kita bawa ke zon merah.

So, sesiapa saja yang pergi ke zon merah, keluar zon merah, kita ada SOP tertentu. Itu sebabnya kita ada PKPB dan juga PKPD- diperketat. Contoh kalau Yang Berhormat Arau masuk ke merah, dia mahu keluar merah, kita pastikan beliau ini disaring dan dikuarantinkan dan tidak boleh orang kata itu merapatkan konteks-konteks yang lain. Contohnya kalau mahu masuk Parlimen, beliau kena menjalani atau Yang Berhormat sendiri kena menjalani *swab test.* Hari ini kita telah pun membuat keputusan supaya setiap Ahli Parlimen diwajibkan menjalani *swab test* dua minggu sekali. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli Yang Berhormat, saya hendak memaklumkan tadi apabila usul disebut oleh Yang Berhormat Menteri, saya perlu mengeluarkan keputusan. Lebih suara bersetuju, usul disetujukan, ya. Tadi tidak disebut. Terima kasih.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya hendak tanya soalan. Soalan pertama, sebenarnya adakah kerajaan bercadang untuk mengimplementasikan *level system* seperti yang digunakan di negara lain? Ini kerana sistem yang kita gunakan, CMCO, EMCO, PKPP, semua ini sangat mengelirukan. Tidak ada syarat-syarat yang tertentu di setiap *level*. Akan tetapi kalau kita buat *level system* seperti di UK, orang ramai dapat bersedia. *Level one,* mereka tahu apa perlu dilakukan. *Level two, level three* atau 1A, 1B. Itu soalan pertama.

Soalan yang kedua, sebenarnya Yang Berhormat Arau tadi bertanya tentang Ahli Parlimen. Bagi saya, saya bercadang bukan sahaja Ahli Parlimen, tetapi setiap Menteri dan Timbalan Menteri haruslah bermula membuat saringan setiap minggu. Tidak perlu RT-PCR, RTK Antigen pun baik. Kita buat dua kali untuk mengurangkan risiko *false negative,* tetapi setiap Menteri atau Timbalan Menteri buat setiap minggu. Lepas itu keputusan dipaparkan secara umum supaya dapat merendahkan kebimbangan, kerisauan orang lain. Apakah pandangan Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof: Saya faham Yang Berhormat Bandar Kuching mahu kita buat saringan ataupun *swab test* seminggu sekali. Akan tetapi kalau kita lihat *World Health Organization recommendation, behaviour virus* ini dia ada *incubation* selama dua minggu. Itu sebab kita gunakan kaedah *incubation period for two weeks to 14 days. Then, we come back to do the swab test* ataupun saringan itu tadi. Jadi tidaklah, tidak perlu kita hendak membazir *resources* untuk menjalankan *swab* seminggu sekali. Itu jawapan yang saya boleh berikan Tuan Yang di-Pertua. Itu kita akan memberikan jawapan bertulis. Terima kasih

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Itu kena dibetulkan. *Incubation period* itu bermaksud dalam dua minggu itu, *first test* mungkin negatif tetapi *on the 8th to 10th* mungkin positif. *That is the real WHO recommendation.* Apakah pandangan Yang Berhormat?

Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof: Betul, *8th to 14th. On the 13th days,* sebelum kita sahkan seseorang itu keluar daripada kuarantin contohnya, kita akan menjalani *swab* sekali lagi untuk membebaskan beliau atau pesakit COVID-19 tadi keluar daripada kuarantin. *On the 13th day,* Kementerian Kesihatan, SOP menjalani *swab test* yang kedua sebelum mereka dikeluarkan daripada kuarantin. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya akan teruskan kepada seterusnya. Saya ingin menjemput Yang Berhormat Baling.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh*.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Atas isu peraturan Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Baling meminta...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Berkenaan dengan usul yang dibuat oleh Yang Berhormat Kota Bharu...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Jelutong, saya telah beri untuk pertanyaan Yang Berhormat Baling. Boleh sebutkan selepas daripada ini. Selepas daripada ini. Saya sebut duduk dulu.

Sila Yang Berhormat Baling.

2. Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling] minta Menteri Kanan Kerja Raya menyatakan, apa langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak kementerian dalam mengendalikan aduan rakyat berkenaan kerosakan jalan raya dan kualiti pembaikan jalan raya oleh kontraktor yang mungkin menyebabkan kerosakan harta benda juga kehilangan nyawa.

Menteri Kanan Kerja Raya [Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Baling. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya mempunyai 13 saluran aduan untuk membolehkan orang awam menyalurkan aduan terus kepada pihak kementerian dan agensi. Setiap aduan akan disaring dan disalurkan kepada agensi yang terlibat untuk siasatan dan tindakan.

Kementerian ini melalui Jabatan Kerja Raya komited dalam memastikan semua jalan persekutuan sentiasa dalam keadaan yang selamat dan selesa dengan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan sepanjang tahun berdasarkan peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

Bagi mengatasi aduan berkaitan jalan berlubang ataupun *pothole,* kementerian ini telah mengaktifkan program Aku Janji Sifar Lubang peringkat kebangsaan bersama pihak Jabatan Kerja Raya dan syarikat-syarikat konsesi jalan persekutuan. Di bawah program ini, kerja tampalan lubang perlu dilaksanakan dalam tempoh 24 jam setelah aduan diterima. Kerja penampalan lubang ini merupakan langkah awal pencegahan atau *preventive* bagi tujuan keselamatan pengguna jalan raya sebelum kerja-kerja turapan kekal dilaksanakan. Di samping itu, syarikat konsesi yang dilantik melalui Perjanjian Penswastaan di bawah skop kerja penyelenggaraan rutin, perlu melakukan rondaan pemeriksaan rutin jalan persekutuan dengan kekerapan dua kali seminggu.

Tuan Yang di-Pertua, jangka hayat turapan jalan adalah antara lima hingga tujuh tahun. Faktor kenderaan berat yang melebihi had muatan dibenarkan juga akan mempengaruhi dan mengurangkan tempoh jangka hayat sesebuah jalan tersebut. Apabila sebuah jalan telah mencapai tempoh jangka hayat tersebut, jalan tersebut perlu diselenggarakan di bawah program penyelenggaraan berkala *pavement* iaitu jalan tersebut perlu diturap semula. Kementerian ini juga sentiasa berusaha meningkatkan ciri-ciri keselamatan jalan raya di negara ini khususnya melibatkan lokasi yang kerap berlaku kemalangan ataupun *black spot* di bawah program khas keselamatan jalan raya.

Antara kaedah rawatan dan skop kerja di bawah program *black spot* ini seperti mengecat semula garisan jalan, memasang pepaku jalan pantulan, memasang lampu jalan, memasang papan tanda amaran, menyediakan garisan jalan *transverse bars* dan memasang papan tanda peringatan kawasan kemalangan. Inisiatif-inisiatif tersebut di atas akan ditambah baik dari semasa ke semasa supaya selari dengan misi KKR iaitu memastikan pembangunan infrastruktur dirancang, dilaksanakan dan diselenggarakan dengan cekap dan berkualiti tinggi dan berusaha menyediakan kemudahan, keselesaan dan keselamatan kepada pengguna. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kanan. Saya ingin melaporkan kepada Yang Berhormat Menteri bahawa *Butterworth-Kulim Expressway* (BKE) yang kerap saya lalui, terdapat banyak kes kemalangan dan kematian.

Untuk makluman Yang Berhormat Menteri juga, laluan ini digunakan oleh rakan-rakan kita semua dari Bukit Mertajam, Kepala Batas, Kulim, Padang Serai, Baling, Sik sampai ke Jeli. Jadi saya ingin bertanyakan kepada Yang Berhormat Menteri, walaupun Yang Berhormat Menteri sudah sebut tadi 13 saluran, 24 jam mereka harus laksanakan, tetapi saya fikir proses pembaikan jalan raya itu tidak dapat dilaksanakan dalam masa 24 jam. Ini saya harap Yang Berhormat Menteri dan kementerian teliti perkara ini. Sangat penting kerana tiap-tiap hari ada kemalangan, malah kemalangan maut begitu tinggi di kawasan tersebut yang melibatkan semua Parlimen yang saya sebutkan tadi.

Saya juga ingin memohon Yang Berhormat Menteri memberi pertimbangan untuk membina lebih banyak lampu dan lampu isyarat di lokasi-lokasi strategik. Ini kerana sudah lama saya selaku Ahli Parlimen Baling telah memohon, bukan sekadar untuk

rakyat Baling, malah untuk rakyat yang saya sebutkan tadi, dari Bukit Mertajam sampailah ke Gerik. Saya harap permohonan ini dapat dipertimbangkan khas. Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kanan.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Baling. Untuk aduan tersebut, kemalangan bukan sahaja disebabkan oleh jalan raya. Akan tetapi mengikut kajian yang telah dilaksanakan, punca kemalangan lebih kepada punca kecuaian pemandu ataupun kecuaian manusia.

■1040

Memang saya akui ada juga punca kemalangan disebabkan oleh keadaan jalan raya yang mungkin menyebabkan kemalangan tersebut. Untuk itulah saya kira kita telah melaksanakan apa yang dikatakan *zero pothole programme* yang menyaksikan bahawa *a commitment* daripada setiap JD di peringkat daerah dan juga syarikat konsesi untuk memastikan semua lubang di jalan raya ditampung dalam tempoh 24 jam tampalan sementara dan dalam tempoh tiga hari mesti ada tindakan untuk menampung secara kekal. Manakala yang lain-lain, termasuklah pembaikan jalan yang mungkin keadaan perlu penurapan semula, ia bergantung kepada peruntukan yang kita terima.

Apa-apa pun, untuk Yang Berhormat Baling tadi, bolehlah kita nanti sampaikan sekali lagi surat kepada saya, *insya-Allah.* Saya akan membawa perkara ini untuk mendapat peruntukan.

Sementara itu, untuk makluman Yang Berhormat Baling, pada tahun 2020, untuk kerja-kerja penurapan di kawasan Parlimen Baling sahaja, kita sudah peruntukkan RM8.1 *million* untuk kawasan Baling sahaja. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri tetapi ini BKE...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Soalan tambahan yang kedua. Saya pilih sebelah sini... *[Merujuk kepada blok pembangkang]* Saya jemput Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Baling yang mengemukakan jalan BKE. Saya juga ingin bertanya, adakah pihak kementerian bercadang untuk mewujudkan satu pasukan khas dalam memantau pembaikan dan kaedah yang digunakan dalam membaiki jalan bagi kawasan yang mempunyai banyak kes kerosakan jalan seperti Parlimen Padang Serai dan juga Kulim-Bandar Baharu termasuk Baling sekali? Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti mana saya jawab tadi, pemantauan dilakukan oleh syarikat konsesi sekurang-kurangnya dua kali seminggu. Di samping itu, jurutera-jurutera daerah juga akan pergi untuk memantau jalan-jalan.

Bagaimanakah kita hendak memastikan jalan itu berada dalam keadaan yang baik? Kita membuat pelbagai kaedah termasuklah menggunakan teknologi-teknologi baharu, kaedah turapan dan sebagainya untuk supaya keadaan jalan lebih tahan lama. Akan tetapi, cabaran kita, kebanyakannya kerosakan jalan ini disebabkan *overweight vehicles* ataupun kenderaan-kenderaan yang melalui jalan kita terlebih muatan.

Ini mempercepatkan kerosakan jalan ataupun jangka hayat jalan itu semakin menjadi lebih pendek. Contoh yang kita gunakan sekarang ini ialah kita sedang menggunakan kajian secara *pilot* untuk menggunakan kaedah turapan baharu iaitu *Fiber Modified Asphalt* (FMA), juga *Rubber Modified Asphalt* dan juga *Polymer Modified Asphalt* dan juga *Stone Mastic Asphalt*. Ini diharapkan dengan kaedah baharu ini, kalau dapat dibuktikan ia akan dapat menambah kekukuhan ataupun kekuatan jalan itu, ia akan digunakan secara lebih meluas pada masa akan datang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Pertanyaan jawab Menteri seterusnya...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: ...Atas isu peraturan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Silakan Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ya, terima kasih. Saya telah mengikuti perkembangan Dewan Rakyat ketika balik dari Pulau Pinang pagi tadi. Kelmarin saya telah balik dan hari ini saya telah ulang balik ke Parlimen. Sempatlah kerana persidangan pun tamat pukul 1 petang.

Saya mendengar dengan tekun kenyataan-kenyataan dan pengumuman yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Kota Bharu dan juga perkara-perkara dan bantahan-bantahan dan pertanyaan-pertanyaan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Segambut dan Yang Berhormat Kulai tadi.

Akan tetapi, persoalannya ialah, sama ada perkara-perkara yang telah dibawa ke Dewan ini perlu diundi oleh Ahli-ahli Dewan Rakyat dan sama ada Tuan Yang di-Pertua perlu tanya kalau ada pihak-pihak yang bersetuju dan pihak-pihak yang tidak bersetuju. Persoalan saya adalah kenapakah perkara itu tidak dilaksanakan? Sama ada, ada yang membantah dan ada yang bersetuju kepada usul tersebut, pengumuman tersebut. *So,* bolehkah saya minta supaya perkara itu.

Tadi memang betul Tuan Yang di-Pertua telah pun menyatakan bukan isu lewat atau tidak lewat. Ini tugasan tiap-tiap Ahli Dewan Rakyat untuk membawa perkara itu kepada Tuan Yang di-Pertua dan tanya sama ada prosedur dipatuhi sebelum perkara itu diamalkan. *So,* bukankah perlu kita tanya kalau ada pihak-pihak yang tidak bersetuju kepada perkara tersebut dan meminta Ahli Dewan Rakyat untuk mengundi

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih Yang Berhormat Jelutong, terima kasih. Saya telah membacakan panjang lebar tadi. Ini hasil daripada mesyuarat yang diadakan oleh semua parti *Whip* dan sekiranya Yang Berhormat Jelutong ingin membuat cadangan, boleh menggunakan Peraturan Mesyuarat 43, boleh menulis usul. Akan tetapi, apa-apa pun, usul tadi telah pun disetujukan.

3. Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan, ada kesan pandemik COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), PKPD dan PKPP terhadap harga runcit barangan di pasaran, khasnya harga untuk barangan keperluan harian dan barangan yang diimport dari negara asing.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Alexander Nanta Linggi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kementerian sentiasa memantau dan meneliti kesan penularan COVID-19 dan pelaksanaan PKP ke atas perubahan harga barangan dan perkhidmatan. Antara kesan negatif yang dikenal pasti ialah ketidakseimbangan antara penawaran dan permintaan dalam pasaran, gangguan terhadap rantaian pengedaran dan bekalan, gangguan terhadap keberadaan barangan keperluan dan dalam masa yang sama, kebimbangan pengguna terhadap kecukupan keperluan barangan harian semasa PKP telah mencetuskan pembelian panik. Namun begitu, kita tidak menafikan bahawa wujud juga kesan positif yang berlaku seperti peningkatan transaksi jualan secara *online*.

Menyedari kepentingan ini, kementerian sentiasa memastikan bahawa keperluan pengguna sentiasa dilindungi, memastikan keberadaan ataupun *availability* barangan keperluan harian dan pengguna juga tidak ditindas oleh pihak yang cuba mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan secara berlebihan.

Kementerian sentiasa proaktif meneliti perubahan dan akan mengambil tindakan penguatkuasaan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 dan akta-akta yang sedang berkuat kuasa.

Antara tindakan yang dilaksanakan ialah pemantauan dan penguatkuasaan yang berterusan daripada bahagian penguat kuasa kementerian meliputi seluruh rantaian pengedaran dan pembekalan barangan dan perkhidmatan di seluruh negara. Melalui penguatkuasaan pencatutan, pengeluaran notis pengesahan maklumat harga atau caj bagi perkhidmatan dan notis bertulis di bawah seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dilakukan untuk mengesan sama ada kenaikan harga tersebut mengikut perundangan yang ditetapkan.

Secara keseluruhannya, sebanyak 4,378- notis telah dikeluarkan terhadap pengeluar, pemborong dan peruncit barangan termasuk pengusaha perkhidmatan di seluruh negara melalui pemeriksaan harian bagi empat kluster barangan keperluan utama iaitu makanan kering, barangan basah, minuman serta barangan kebersihan dan kesihatan bermula 15 April 2020.

Penguatkuasaan Ops Catut 7.0 (Dandanan dan Gunting Rambut) bermula pada 10 Jun 2020 dengan menyasarkan kepada penyedia perkhidmatan tersebut di seluruh negara. Pemantauan terhadap harga barangan peralatan pelindung diri seperti *hand sanitizer*, apron pakai buang dan alat pengukur suhu bermula 17 Jun 2020 dan pemeriksaan di peringkat pembekalan barangan iaitu peringkat peruncit di pasar-pasar awam dan pemborong ayam pedaging di seluruh negeri bermula pada 18 Jun 2020 bagi tujuan mendapatkan maklumat harga dan kos dari tempoh selepas berakhirnya pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa 2020.

■1050

Pemeriksaan penandaan tanda harga dan mana peniaga mesti meletakkan tanda harga ke atas barangan yang dijual. Melaksanakan skim harga maksimum musim perayaan bagi mengawal harga barang keperluan musim perayaan tertentu semasa musim-musim perayaan utama di negara. Menyediakan saluran kepada pengguna untuk menyalurkan aduan kepada kementerian seperti aplikasi *WhatsApp*, portal e-Aduan, aplikasi Ez-ADU, talian *hotline* KPDNHEP 1800-886-800 dan hadir sendiri ke mana-mana pejabat cawangan KPDNHEP yang berhampiran di seluruh negara. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, sila Yang Berhormat Rasah. Soalan tambahan pertama, 30 saat.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapan. Bagi saya, saya nampak komitmen daripada pihak kementerian dan juga agensi terbabit dalam memastikan harga tidak naik. Cuma persoalan saya di sini, saya ada dua perkara yang pendek. Pertama, yang berkenaan dengan penguatkuasaan. Adakah penguatkuasaan tersebut lepas pandemik COVID-19, macam mana cara pemeriksaan tersebut untuk pastikan rantaian pengedaran ataupun logistik untuk barangan kembali kepada normal?

Jadi, macam mana lepas pelaksanaan PKP? Kedua, dalam soalan asal saya, saya ada sebut barangan yang diimport. Saya rasa kementerian perlu ada satu rancangan khas supaya kita kalau boleh kita hendak mengurangkan barangan keperluan harian yang diimport. Kita kena ambil peluang daripada pandemik COVID-19 ini supaya kita lebih banyak menggunakan ataupun memasarkan di pasaran tempatan, barangan buatan tempatan untuk mengurangkan kebergantungan barangan yang diimport dari luar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Rasah, sila Yang Berhormat Menteri, 2 minit 30 saat.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Rasah yang bertanya. Pertama, kementerian mengambil perhatian yang serius dalam melindungi pengguna di negara ini. Tindakan penguat kuasa di atas mana-mana peniaga akan diambil bagi memastikan harga barangan di pasaran adalah berpatutan, itu pokoknya.

Sepanjang tempoh pelaksanaan PKP bermula daripada 18 Mac 2020 sehingga 3 November ini, sebanyak 469,946 pemeriksaan dan pemantauan premis perniagaan telah dilaksanakan berkaitan bekalan dan harga yang di peringkat runcit, pemborong dan pengilang. Sebanyak 256 ribu- pemeriksaan khas pemantauan SOP PKP di seluruh negara telah juga dilaksanakan dalam tempoh tersebut.

Jadi, ini memandangkan usaha kita berterusan. Daripada segi aduan, sejumlah 62,449 aduan telah diterima yang menghasilkan 828 kes. Secara keseluruhannya, sepanjang tempoh PKP sebanyak 4,655 tindakan kes telah dihasilkan yang melibatkan nilai rampasan bernilai RM60,657,836 iaitu sebanyak 3,418 kes telah dikompaun sepanjang tempoh ini, dengan kutipan kompaun berjumlah RM1,506,152.

Usaha ini Tuan Yang di-Pertua, tidak akan terhenti setakat ini sahaja. Malah, seperti mana yang disarankan oleh Yang Berhormat Rasah, kita akan meneruskan inisiatif di mana ataupun di masa akan datang bagi menangani masalah harga barangan sentiasa serta kita melindungi pengguna kita teruskan.

Jadi, inilah jaminan daripada kementerian, Yang Berhormat Rasah. Jadi, untuk cadangan tadi tentang barangan yang diimport. Memang kementerian ini menggalakkan pengusaha-pengusaha tempatan membuat pengeluaran tempatan bagi menggantikan barangan-barangan yang perlu diimport. Oleh sebab itulah kita sedang menjalankan Kempen Beli Barangan Malaysia. KBBM ini Kempen Beli Barangan Malaysia, objektifnya supaya kita mendapat membantu yang terkesan negatif oleh penularan COVID-19, Tuan Yang di-Pertua. Kita juga menginginkan pengguna di Malaysia ini beralih kepada buatan Malaysia.

Jadi, dengan secara itu sememangnya kita boleh mengurangkan mengimport barangan-barangan seperti mana yang disarankan oleh Yang Berhormat Rasah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli Yang Berhormat, tidak ada pertanyaan tambahan kedua. Ahli Yang Berhormat, sekarang tamatlah sesi untuk Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri pada hari ini. Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat.

[Sesi Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu] minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan, sejauh mana tindakan Amerika Syarikat memboikot produk sawit keluaran *Felda Global Ventures* (FGV) memberi kesan terhadap import produk sawit Malaysia bagi tahun 2020.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali]: *Bismillahi Rahmani Rahim*. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Jelebu. Izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kampar pada 11 November 2020, Yang Berhormat Pulai pada 26 November 2020 dan juga 2 Disember serta Yang Berhormat Besut pada 8 Disember 2020 yang dilihat mempunyai kaitan dengan tindakan Amerika Syarikat terhadap produk sawit keluaran *Felda Global Ventures* (FGV).

Ahli Yang Berhormat, Jemaah Menteri pada 4 Jun 2020 telah memutuskan untuk menangguhkan kemasukan pekerja asing ke dalam negara. Dasar terkini ini adalah bertujuan bagi mengekang kes jangkitan virus COVID-19 daripada terus meningkat, di samping memperkasakan rakyat tempatan dalam sektor ekonomi, termasuk di sektor perladangan. Kerajaan berharap dasar ini akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan di sektor perladangan. Dasar ini penyelesaian jangka masa panjang bagi isu-isu buruh asing yang di sektor perladangan dan komoditi yang dibangkitkan, terutamanya di peringkat US.

Untuk eksport produk sawit Malaysia ke Amerika Syarikat, secara amnya tidak menghadapi sebarang masalah kecuali sekatan dagangan yang dikenakan ke atas produk sawit negara keluaran syarikat FGV bermula 1 Oktober 2020. Oleh itu, sekatan produk sawit Malaysia yang dikenakan Amerika Syarikat ini tidak memberi kesan signifikan kepada sektor tersebut buat masa ini. Dimaklumkan bahawa FGV hanya menghantar atau mengeksport minyak sawit sekitar 40 tan sahaja setahun dengan nilai lebih kurang 120 ribu setahun. Kalau kita lihat pada angkanya dengan jumlah keseluruhan eksport 3 juta *metric* tan oleh FGV di Amerika Syarikat hanya 0.0013 *percent* sahaja.

Untuk makluman juga, data menunjukkan bahawa eksport sawit Malaysia ke Amerika Syarikat antara Mei hingga September 2020 ialah 292,940 metrik tan. Itu lebih tinggi berbanding 292,011 tan pada tempoh yang sama tahun 2019.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pulai pula bertanya tentang sejauh mana kebenaran dakwaan *U.S. Customs and Border Protection* (CBP) berkaitan FGV menggunakan tenaga buruh paksa.

Pihak FGV telah mengeluarkan kenyataan media bagi menjawab dakwaan ini. Untuk makluman, Jabatan Kastam dan Perlindungan Sempadan Amerika Syarikat telah mengeluarkan W*ithhold Release Order (WRO)* bagi mengenakan sekatan terhadap import minyak sawit dan produknya dari FGV pada 30 September 2020.

Itu isu yang berbangkit, isu yang lama pada tahun 2015 lagi. Sekatan dikeluarkan berdasarkan petisyen yang dikemukakan oleh beberapa buah badan bukan kerajaan kepada pihak CBP berkaitan penggunaan buruh paksa dalam proses pengeluaran produk sawit syarikat FGV. Namun, kesahihan dakwaan tersebut masih belum dapat disahkan dan kita memerlukan platform yang adil untuk menentukan keadilan dalam isu dakwaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman juga, sebagai langkah penyelesaian jangka masa pendek, kerajaan akan membantu menyelesaikan isu berkaitan kekurangan tenaga kerja asing ini melalui pelonggaran syarat bagi permohonan pertukaran majikan (PTM).

■1100

Tuan Yang di-Pertua, isu buruh paksa dan buruh kanak-kanak di ladang sawit bukan lah isu baharu. Sektor sawit Malaysia telah disenaraikan oleh *United States Department of Labor* iaitu US DOL sebagai sektor yang menghasilkan barangan menggunakan buruh paksa dalam senarai tahunannya yang bertajuk, *"The Department of Labor's List of Goods Produced by Child Labor or Forced Labor", s*eperti yang diperuntukkan di bawah *The Trafficking Victims Protection Reauthorization Act of 2008* bermula pada tahun 2009.

Pada tahun 2014, sektor sawit Malaysia bukan sahaja disenaraikan sebagai sektor yang menggunakan buruh paksa tetapi juga buruh kanak-kanak di ladang sawit dan penyenaraian tersebut kekal sehingga kini. Undang-undang Malaysia jelas tidak membenarkan sebarang bentuk penyeksaan, penindasan, keganasan fizikal dan seksual terhadap mana-mana pekerja di semua sektor di Malaysia. Walau bagaimanapun, penyimpanan pengenalan diri- pasport, oleh majikan berkemungkinan berlaku atas dasar keselamatan setelah mendapat persetujuan daripada pihak pekerja.

Namun perkara ini merupakan salah satu elemen buruh paksa seperti yang digariskan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa. Jalan penyelesaiannya memastikan majikan tidak menyimpan pasport pekerja. Salah satu kaedah yang dilakukan oleh sebahagian besar syarikat ladang sawit ialah menyediakan tempat khas penyimpanan pasport dan pekerja berhak untuk mengambil pasport itu pada bila-bila masa sahaja. Kerajaan Malaysia sememangnya amat menitik beratkan prinsip keadilan dan sosial pekerja dengan penguatkuasaan undang-undang perburuhan dan juga akta-akta yang menjaga kebajikan pekerja.

Isu teknikal seperti isu pasport tadi perlu dijelaskan kepada pihak syarikat yang mana ia termasuk dalam salah satu elemen buruh paksa yang mungkin tidak disedari oleh syarikat itu sendiri. Kementerian melalui MPOB akan terus giat mengadakan program advokasi kepada pihak industri untuk menjelaskan perkara yang sebegini.

Untuk FGV pula, oleh sebab FGV merupakan pemain industri sawit Malaysia yang utama di mana rantaian pengeluaran produk sawit FGV turut melibatkan hampir 100 ribu- orang peneroka FELDA di seluruh negara dengan keluasan tanaman sawit berjumlah RM432,721 hektar. Kementerian mengalu-alukan langkah yang telah dibuat oleh FGV untuk menyelesaikan segera isu ini dengan pihak CBP Amerika Syarikat.

Syarikat ini telah mengadakan sidang mesyuarat secara maya pada bulan Oktober 2020 dengan pihak berkuasa Amerika Syarikat bagi mendapatkan penjelasan berhubung sekatan ini. Kementerian difahamkan pihak CBP dilihat positif dalam menyelesaikan isu ini dan akan mempertimbangkan untuk mengemukakan petisyen membatalkan Perintah Tahanan Pelepasan (WRO) dan petisyen ini perlu disertakan dengan laporan audit daripada firma pengauditan pihak ketiga yang boleh dipercayai dan juga adil.

Oleh yang demikian, FGV akan melantik juruaudit bebas dalam masa yang terdekat. Pada masa yang sama, pejabat MPOB di Amerika Syarikat turut berhubung dengan pihak berkuasa di sana untuk menyusuli perkara ini. Terima kasih.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab ini merupakan antara isu yang sangat penting terhadap komoditi negara, saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas penjelasan yang berkenaan.

Untuk rekod Tuan Yang di-Pertua, suka saya rekodkan di dalam Dewan ini, pada 30 September 2020 Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Kastam dan Perlindungan Sempadan (CBP) Amerika Syarikat telah mengumumkan bahawa pihaknya telah mengharamkan kemasukan minyak sawit dari FGV selepas siasatan selama setahun. Jurucakap CBP, Brenda Smith berkata siasatan mendapati bahawa terdapat petunjuk pekerja FGV telah ditindas secara fizikal dan seksual, ditakutkan dan gaji mereka ditahan di samping dakwaan penggunaan tenaga buruh dan kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua, pada 8 Oktober selepas mengadakan beberapa perbincangan dengan pihak FGV, pihak Amerika Syarikat telah mengeluarkan kenyataan. Apakah dia kenyataannya? Kenyataan untuk mempertimbangkan petisyen untuk pembatalan Perintah Tahanan Pelepasan (WRO) terhadap minyak sawit dan produk sawit.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan daripada pihak kerajaan, adakah pihak kementerian khususnya FGV telah mengenal pasti asas ataupun sumber yang diterima oleh pihak Jabatan Kastam dan Perlindungan Sempadan (CBP) Amerika Syarikat sehingga mereka mengeluarkan pelbagai tuduhan yang tidak berasas terhadap FGV. Itu yang pertama, Tuan Yang di-Pertua.

Kedua, yang sangat penting sekali lagi ialah adakah pihak kementerian melihat Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1998 [*Akta 582*] masih lagi relevan dan mencukupi dalam mengawal selia hal ehwal yang berkaitan dengan minyak sawit di Malaysia secara tidak langsung ataupun menjadi pemampan bagi tuduhan seperti yang telah dilaksanakan terhadap FGV. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Jelebu. Sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali: Terima kasih kepada Yang Berhormat Jelebu. Saya dimaklumkan bahawa FGV telah berulang kali berurusan dengan CBP ini dan pelbagai dakwaan yang dikemukakan oleh Amerika Syarikat, dia jawab secara bertulis. Akan tetapi proses jawapan dan juga jawapan balas itu berlaku isu yang panjang. Saya difahamkan bahawa mereka masih lagi dalam proses berbincang dalam perkara ini.

Adapun isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, adakah undang-undang yang sedia ada itu mampu. Bagi saya sangat mampu, bahkan kalau kita lihat pada kaedah yang kita buat sekarang menerusi *certification* kita iaitu MSPO cukup sebenarnya sebagai satu bukti bahawa Kerajaan Malaysia sangat menekankan apa sahaja perkara melibatkan keadilan dan kebajikan bagi buruh paksa. Bagi saya isu yang paling besar ialah bagaimana dasar yang kita kemukakan.

Bagi saya dasar yang dikemukakan oleh kerajaan baharu kita ini, Kerajaan Perikatan Nasional (PN) iaitu mengekang atau menyekat kemasukan pekerja warga asing ini ke dalam negara kita untuk tempoh COVID-19 ini satu penyelesaian jangka masa panjang yang boleh kita tangani sebarang isu berkaitan dengan isu buruh paksa dan juga *child labor* sebenarnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan yang kedua saya jemput Yang Berhormat Hang Tuah Jaya.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya percaya bahawa tuduhan Amerika Syarikat ini bukan satu perkara yang baharu. Malah kita juga pernah baru-baru ini dikaitkan dengan industri getah iaitu *Top Glove*, juga serangan yang lebih kurang sama iaitu buruh paksa.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri bahawa saya difahamkan baru-baru ini ada mesyuarat di peringkat pegawai-pegawai kanan CPOPC ataupun *Senior Officials Meeting* (SOM), dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Antara yang dibincangkan itu ialah bahawa CPOPC ini perlu memberikan kepimpinan untuk menangkis pelbagai kempen negatif termasuk serangan-serangan seperti ini.

Saya juga difahamkan bahawa bulan ini ataupun bulan depan akan diadakan pula Mesyuarat Menteri-menteri yang berkaitan dengan CPOPC di mana Yang Berhormat Menteri menjadi pengerusi.

Jadi saya ingin bertanya, apa perkara ini akan dibahaskan dan dibangkitkan kerana kita tahu di sana punya keanggotaan dari Colombia yang mungkin boleh membantu kerana ia dekat dengan negara Amerika Syarikat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Hang Tuah Jaya. Sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali: Terima kasih Yang Berhormat Hang Tuah Jaya sebagai juga bekas Timbalan Menteri kementerian ini. Pertama sekali, kita perlu lihat adakah mungkin ada agenda tersirat daripada isu yang berlaku di Amerika Syarikat ini kerana yang ditahan itu adalah sebuah syarikat FGV yang melibatkan sebahagian besar para pekebun kecil yang ada di dalam negara kita ini. Adapun syarikat lain tidak terlibat dan tidak dimasukkan ke dalam isu ini.

Saya maklumkan dari awal tadi bahawa jumlah ataupun amaun yang dihantar kepada Amerika Syarikat sangat kecil, 40 tan sahaja dengan nilai hanya sekitar RM120 ribu tetapi itu yang dijadikan sebagai isu. Maka bagi saya, dalam isu pertuduhan konsep Islam... *[Berucap dalam bahasa Arab]* Keterangan itu mesti dibawa datang oleh orang

yang menuduh. Kita tidak ada sebuah platform yang adil untuk menilai tuduhan dan menjawab tuduhan. Oleh sebab itulah kita lihat isu berpanjangan dari tahun 2005 sampai sekarang, dia buat tuduhan, kita jawab. Tuduhan, nak kena jawab.

Jadi bagi saya, pertama sekali bukan hanya kita bergantung kepada isu yang berbangkit ini bahkan saya ambil strategi bahawa perlu kita membuka lagi ruang-ruang yang besar untuk pasaran sawit di negara-negara lain yang lebih memerlukan sawit kita. *Insya-Allah* untuk isu CPOPC, isu yang akan saya bangkitkan di peringkat mesyuarat sebagai suatu perhatian kita bersama, *insya-Allah.* Terima kasih kepada Yang Berhormat.

2. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan, tentang keberkesanan, kejayaan dan cabaran program *'food bank'* di Malaysia sehingga hari ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' Rosol bin Wahid]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Yang Berhormat Setiawangsa yang ingin tahu berkaitan dengan keberkesanan, kejayaan serta cabaran *Food Bank* Malaysia sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya terus menjawab soalan ini, saya ingin merakamkan penghargaan terima kasih kepada mantan Menteri KPDNHEP yang lalu yang memberi idea penubuhan *Food Bank* ini. Program *Food Bank* Malaysia telah diperkenalkan sebagai satu 'inisiatif peduli rakyat' Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk membantu mereka yang kurang berkemampuan mendapat makanan yang mana secara tidak langsung boleh meringankan kos sara hidup mereka.

Keberkesanan program ini dapat dilihat dengan wujudnya program *Food Bank* Siswa yang mana program *Food Bank* Siswa ini telah memberi kesinambungan kepada *Food Bank* Malaysia yang telah dilaksanakan yang juga mampu membantu golongan B40 memperoleh keperluan makanan supaya mereka dapat memberi tumpuan yang lebih baik dalam pembelajaran mereka di universiti.

■1110

Selain itu, program *Food Bank* seperti ini juga telah diperluaskan kepada lebih ramai lagi penerima B40 dan golongan yang memerlukannya, contohnya seperti penduduk rumah PPR, penghuni rumah-rumah kebajikan, mangsa-mangsa bencana dan lain-lain keperluan sasar yang memerlukan dari semasa ke semasa.

Keberkesanan program ini dilaksanakan dan telah dapat direalisasikan yang mana sehingga Oktober 2020 seramai 622,726 orang ahli isi rumah telah menerima manfaatnya. Secara tidak langsung ia telah berjaya memberi manfaat, memanfaatkan sebanyak 2,301 metrik tan lebihan makanan yang jumlahnya dianggarkan lebih daripada RM11.5 juta.

Selain itu pada Oktober 2020, program *Food Bank* Siswa pula telah mampu membantu seramai 17,574 orang pelajar di sejumlah 25 IPT di seluruh negara. Sepanjang tempoh PKP baru-baru ini iaitu bermula Mac yang lalu, program *Food Bank* ini telah menyumbang dan membantu lebih daripada seramai 60 ribu orang- pelajar yang terkandas di IPT.

Cabaran yang dihadapi oleh program *Food Bank* adalah kurang- sekarang ini oleh sebab kita menghadapi masalah COVID-19, terdapat sedikit kesan iaitu syarikat-syarikat tidak lagi dapat memberi komitmen sepenuhnya dalam menyumbang kepada program *Food Bank* ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila hormati laluan Yang Berhormat Menteri. Sila Yang Berhormat Setiawangsa soalan tambahan pertama. Selama 30 saat.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri yang juga menyebut tentang peranan yang dimainkan oleh mantan Menteri Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu dalam perkara ini dan peranan yang dimainkan oleh kerajaan sebelum ini termasuk Akta Perlindungan Penderma Makanan yang kita luluskan dan juga penubuhan Yayasan *Food Bank.*

Apa yang menjadi- yang saya ingin tanya ialah, pertama saya difahamkan banyak agensi kerajaan hari ini terlibat untuk merancang atau mengasaskan program *Food Bank* sendiri. Difahamkan Kementerian Wilayah Persekutuan, YaPEIM, KPDNHEP

dan juga di peringkat perbincangan KPKT. Mengapakah kerajaan tidak sokong sahaja aktiviti-aktiviti NGO sedia ada? Supaya tidak kita *replicate* ataupun, dengan izin, *reinventing the wheel* peranan yang telah dimainkan oleh pihak NGO.

Kedua, adakah kerajaan bersedia untuk menimbang insentif seperti pengecualian cukai ataupun- kalau kita lihat contoh di Perancis, mewajibkan pasar raya-pasar raya kalau makanan yang sudah lebih atau hampir tamat tempoh diberikan kepada program *Food Bank* daripada dibuang begitu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Setiawangsa. Silakan, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Rosol bin Wahid: Terima kasih, Yang Berhormat Setiawangsa. Sebenarnya banyaknya penubuhan ataupun mereka yang ingin menyumbang menunjukkan betapa mulianya budi rakyat Malaysia. Mereka mahu menyumbang dan kita mengalu-alukan mereka menyumbang kerana hadis ada menyatakan... *[Membaca sepotong hadis]* "*Tangan yang di atas lebih baik tangan di bawah*".

Antara itu walau bagaimanapun, kita juga merayu kepada mereka yang ada lebih untuk menyumbang *direct* kepada kita untuk kita sebar luaskan. Ini kerana, kita ada satu sistem ataupun satu Sekretariat yang mampu melangkaui kesemua ke seluruh negara. Berkaitan dengan insentif-insentif, sebenarnya dengan adanya Akta Perlindungan Penderma Makanan ini bukan sahaja mampu untuk kita menyelamatkan makanan yang membazir tetapi ia secara tidak langsung mampu untuk membantu mereka yang terpaksa sebelum ini mereka buang, dan mereka terpaksa *bear cost* untuk pembuangan barang tersebut.

Dengan adanya program Food Bank ini mereka tidak perlu lagi kos untuk melupuskan makanan tersebut dan kita sebagai Yang Berhormat Menteri ataupun Food Bank akan menggunakan wang tersebut untuk diedarkan kepada mereka yang memerlukan. Saya rasa menjawab soalan yang berkaitan Yang Berhormat Setiawangsa. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan yang kedua saya jemput, Yang Berhormat Setiu.

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Adakah kerajaan bercadang untuk memperluaskan struktur program *Food Bank* ini kepada golongan yang lebih bersasar seperti ibu yang mengandung ataupun ibu yang sedang menyusu anak dan kanak-kanak yang kekurangan zat makanan akibat kemiskinan?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Selama satu minit.

Dato' Rosol bin Wahid: Terima kasih, Setiu. Satu soalan yang baik. Sebenarnya kita meluaskan kepada mereka yang memerlukan. Bagi ibu yang mengandung tetapi mereka ini bukan B40 mereka tidak layak. Akan tetapi, bila mereka termasuk dalam B40 maka mereka ini layak.

Keduanya, kita mungkin terlupa program ini ditubuhkan apabila ada isu, program *Food Bank* Siswa ditubuhkan apabila ada isu dikatakan dan kajian bahawa mahasiswa yang kurang makanan, tidak cukup makan tidak dapat mampu memberi tumpuan kepada pendidikan mereka. Jadi, kita tubuhkan program *Food Bank* Siswa untuk membantu mereka.

Untuk tambahan Tuan Yang di-Pertua, kita sudah masuk ke sejumlah 25 buah universiti tempatan dan *insya-Allah* dengan keperluan ataupun dengan stok yang masih ada kita akan mengembangkan lagi ke politeknik dan IPG di seluruh negara, *insya-Allah.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pertanyaan jawab lisan seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Kinabatangan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya mengemukakan ada pembetulan sedikit sebab di sini ia 'Kementerian Pembangunan Industri Sabah'. Sebetulnya ia 'Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan sekarang JKR Sabah. Soalan nombor tiga.

3. Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

(a) adakah Kerajaan Persekutuan berhasrat menurunkan kuasa kepada Kementerian Pembangunan Infrastruktur Sabah untuk menguruskan sendiri pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo di Sabah; dan

(b) sejauh mana kesediaan Kementerian Kerja Raya untuk menyalurkan peruntukan secara terus dan memberi kepercayaan kepada Kementerian Pembangunan Infrastruktur Sabah untuk mengurus tadbir pelaksanaan projek-projek di negeri Sabah berdasarkan keperluan yang telah dikenal pasti di peringkat negeri.

Menteri Kanan Kerja Raya [Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Kinabatangan. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, susulan penamatan perjanjian *Project Delivery Partner* (PDP), Kerajaan Persekutuan telah komited untuk meneruskan pelaksanaan sejumlah 15 buah pakej kerja bagi Projek Lebuhraya *Pan-Borneo* Sabah secara konvensional dengan kos keseluruhannya sebanyak RM10.12 bilion dan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan menggunakan peruntukan pembangunan-*development expenditure*.

Oleh itu, bagi memastikan pelaksanaan lebih efisien, maka tadbir urus bagi pelaksanaan projek Lebuhraya Pan-Borneo Sabah akan diteruskan sepertimana yang diputuskan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Mesyuarat Jemaah Menteri. Kerajaan Persekutuan juga telah memutuskan Kementerian Kerja Raya selaku pemilik projek dan JKR Sabah selaku Pegawai Penguasa- *Superintending Officer,* untuk memastikan kelancaran pelaksanaan projek daripada segi pengoperasian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bagi memastikan kesinambungan dan pelaksanaan projek, tindakan susulan berterusan sedang dilaksanakan bagi menambah baik kaedah pelaksanaan yang telah diputuskan sebelum ini. Kerajaan juga sentiasa komited dan menyalurkan peruntukan bagi tujuan kelancaran dan kelangsungan pelaksanaan projek. Terima kasih.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, persoalan ini telah ditimbulkan sebab saya melihat dan juga rakyat bertanya kenapa *progress* Lebuhraya Pan-Borneo Sabah baru mencapai sebanyak 16 hingga 18 peratus, sedangkan di Sarawak walaupun masih ketinggalan tetapi sudah mencecah sejumlah 55 peratus.

Jadi, adalah penting bagi kerajaan baharu ini sesuai dengan manifesto kita waktu PRN Sabah untuk memastikan semua jalan di Sabah termasuk Lebuhraya Pan-Borneo Sabah untuk kita segerakan. Oleh sebab itu, kita meminta supaya kementerian ini berunding dengan Kerajaan Negeri Sabah untuk memastikan bahawa Sabah melalui Kerajaan GRS ini dapat menunaikan janji-janji manifesto mereka. Kita berhasrat juga supaya Lebuhraya Pan-Borneo Sabah ini dapat diselesaikan dalam masa lima tahun ini. Terima kasih.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih, Yang Berhormat Kinabatangan. Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, bila perubahan kerajaan terdahulu Kerajaan Pakatan Harapan telah menamatkan PDP. Bila PDP ini ditamatkan, ia sudah pasti menjejaskan perancangan ataupun pelaksanaan Lebuhraya Pan-Borneo itu sendiri disebabkan *adjustment*, dengan izin, yang terpaksa dilaksanakan bila diserahkan pelaksanaan ini kepada JKR.

Untuk itu keseluruhan yang dirancang secara awalan, keseluruhan pakej Lebuhraya Pan-Borneo Sabah ialah sejumlah 35 buah pakej. Yang dalam pelaksanaan ialah sejumlah 11 buah pakej, empat buah pakej lagi akan ditender dalam proses tender manakala sebanyak 20 buah pakej- lagi belum ada kelulusan peruntukan. Dahulu dia menggunakan dua peruntukan, satu peruntukan pembangunan satu lagi daripada dana infra.

Sekarang ini dana infra dibatalkan. Jadi, hanya tinggal peruntukan pembangunan dan dengan peruntukan pembangunan ini *insya-Allah* kita akan meneruskan untuk memohon peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas dan sudah pasti pelaksanaannya nanti kita akan bekerjasama dengan Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri Sabah yang juga Yang Berhormat Menteri Kerja Raya... *[Tepuk]*

Saya *insya-Allah* akan berbincang dengan beliau sendiri untuk memastikan apakah kaedah yang terbaik untuk mempercepatkan pelaksanaan Lebuhraya Pan-Borneo Sabah khususnya. Terima kasih.

■1120

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, semasa kempen PRN Sabah baru-baru ini, PN membuat satu manifesto yang mana sekiranya PN berjaya membentuk Kerajaan Negeri Sabah, Projek Pembinaan Jambatan Menumbok-Labuan atau Kuala Penyu-Labuan dan sekali gus Jajaran Pan Borneo dari Beaufort ke Menumbok yang satu hari dahulu memang Kerajaan Barisan Nasional ingin menjadikan ia sebahagian daripada Pan Borneo, soalan saya, adakah ia akan dijadikan sebahagian daripada Projek Pan Borneo yang akan dilaksanakan secepat mungkin seperti yang dijanjikan dalam pilihan raya baru-baru ini.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Labuan. Kita akan ambil maklum dan *insya-Allah* saya akan membawa untuk dibincangkan, memastikan apa yang telah dijanjikan dilaksanakan. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ringkas.

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat sedar bahawa Jajaran Pan Borneo ini khususnya sampai ke Berungis dan ke Kudat, ia terputus dan tidak bersambung. Jadi, adakah Yang Berhormat bercadang supaya memastikan agar yang terputus-putus ini dapat dipastikan ia bersambung dan berjalan dengan lancar? Terima kasih.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Memangnya kalau kita lihat apa yang telah dirancang daripada dahulu di bawah Kerajaan Barisan Nasional, ada tiga fasa. Akan tetapi yang dilaksanakan hanya fasa pertama bergantung dengan peruntukan. Fasa pertama yang dilaksanakan yang telah diluluskan yang sudah ada peruntukan sebanyak 15 projek, sebanyak 20 projek lagi belum ada peruntukan dan kita akan mengusahakan untuk Rancangan Malaysia Kedua Belas. Bila semua peruntukan dapat, *insya-Allah* keseluruhannya akan dapat kita laksanakan secara berfasa termasuklah jajaran ke Kudat. Terima kasih.

4. **Tuan P. Prabakaran [Batu]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan lebih daripada jumlah 2 ribu- borang permohonan bantuan JKM (WPKL) masih tertangguh bagi tahun 2020 oleh sebab pekerja sedang bercuti, apa tindakan kementerian bagi menangani masalah yang sedang berlaku.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat Parlimen Batu yang mengemukakan soalan.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga Oktober 2020, jumlah penerima bantuan kewangan di JKM Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah sebanyak 11,656 orang yang melibatkan pelbagai skim bantuan dan melibatkan perbelanjaan melebihi sebanyak RM33.9 juta. Berdasarkan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat sehingga 16 Oktober 2020, bilangan permohonan baharu yang diterima oleh JKM Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak 3,265 permohonan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 930 kes telah selesai disiasat dan telah diberi kelulusan. Baki permohonan yang sedang dalam siasatan dan belum lagi diselesaikan, sebanyak 2,335 kes. Ini adalah kerana beberapa kekangan yang dihadapi oleh kakitangan JKM Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Pertama ialah kerana permohonan yang diterima adalah tidak lengkap dan menyebabkan JKM perlu menyusun semula dengan permohonan untuk melengkapkan borang permohonan tersebut. Kebanyakan daripada pegawai dan kakitangan JKM Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang turut juga menjalankan tugas sebagai *frontliners* COVID-19 dengan mengedarkan bakul makanan kepada penduduk setempat yang memerlukan termasuk juga mereka yang bertugas di pusat kuarantin sepanjang tempoh PKP, PKPP, PKPB dan PKPD.

Kalau kita lihat daripada nisbah pegawai yang bertugas di JKM dengan kes, sebenarnya tidak seimbang. Kalau kita tengok nisbah yang ada sekarang satu orang pegawai mengendalikan hampir sebanyak 500 hingga sebanyak 600 kes. Oleh yang demikian, sebenarnya tidak ada kesempatan untuk pegawai bercuti panjang sebenarnya.

Mereka bertugas selama 24 jam. Kita sangat menghargai pengorbanan yang telah dilakukan oleh semua pegawai JKM. Bagi mengatasi tunggakan permohonan tersebut, satu pasukan *task force* telah ditubuhkan pada 20 Oktober 2020 bagi menyelesaikan kes-kes yang tertunggak dan dijangka akan diselesaikan sebelum akhir penghujung tahun ini.

Untuk makluman tambahan kepada Yang Berhormat, kementerian sedang melaksanakan kajian dan penstrukturan semula JKM bagi melihat beban tugas pegawai dan kakitangan JKM dan telah mengadakan perbincangan bersama Jabatan Perkhidmatan Awam bagi menambah bilangan pegawai JKM Masyarakat. Permohonan pertambahan jawatan ini telah dikemukakan kepada JPA untuk pertimbangan dan kelulusan. Ia melibatkan juga pertambahan jawatan di peringkat ibu pejabat JKMM, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri dan juga PKMD dan institusi-institusi di bawah JKM. Jadi, kita mengharapkan *insya-Allah* dengan pertambahan jawatan ini akan menyelesaikan isu-isu yang tertunggak. Terima kasih.

Tuan P. Prabakaran [Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih atas jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apa yang saya dapat maklumat daripada JKM dan jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak sama.

Akan tetapi walau bagaimanapun, jawapan yang saya dapat, ramai kakitangan mengambil cuti. Daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, hampir lebih daripada 2,000 permohonan tidak lulus lagi. Saya minta kementerian untuk pandang serius sebab lebih daripada sebanyak 2,000 permohonan ini adalah daripada golongan B40 yang memerlukan bantuan dengan segera dan permohonan ini adalah dari bulan Mac, masa PKP sampai sekarang. *So,* apakah tindakan Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memastikan isu ini selesai dalam masa yang terdekat?

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff: Terima kasih Yang Berhormat. Sebagaimana yang saya sebutkan tadi, kita sudah menubuhkan satu pasukan *task force* untuk kita menyelesaikan kes-kes yang tertunggak ini dan *insya-Allah* kita jangkakan semua kes ini akan selesai sebelum berakhirnya hujung tahun ini dan sekarang ini masih dalam siasatan.

Berkaitan dengan dakwaan Yang Berhormat yang mengatakan ada pegawai-pegawai yang bercuti, kalau boleh dapatkan maklumat bertulis kepada saya, berapa ramai yang bercuti. Oleh sebab apa, dalam siasatan sebab saya telah mengadakan siasatan perkara ini bahawa tidak ada laporan yang mengatakan bercuti panjang. Mungkin bercuti MC selama satu atau dua hari. Apa yang dihadapi adalah kekangan kerana mereka juga berdepan dengan tugas semasa kuarantin ini dengan pelbagai tugas yang patut mereka pikul, termasuk di pusat-pusat kuarantin. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada 30 Ogos 2020 yang lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada berucap di Sandakan yang menyatakan bahawa bantuan bulanan JKM berjumlah sebanyak RM200 dan sebanyak RM300 golongan tersasar akan dinaikkan kepada sebanyak RM1,000. Jadi dalam keadaan itu, Yang Amat Berhormat juga menyebut bahawa cadangan ini akan dibawa ke Jemaah Menteri untuk minggu yang ke hadapan. Jadi, saya hendak tahu apa keputusannya.

Kedua. hendak bertanya soal kita tahu peruntukan untuk JKM atau Jabatan kebajikan Masyarakat diperuntukkan sebanyak RM1.53 bilion ketika ini dan disalurkan untuk seramai 500 ribu orang. Jadi, adakah pihak kementerian bersedia menerima ledakkan mereka yang tergolong daripada miskin tiba-tiba oleh sebab pemberhentian kerja akibat pandemik COVID-19?

Ketiga, berapa penerima yang berjumlah bantuan pada setiap tahun yang terdapat dalam golongan sewaktu pemerintahan Kerajaan PH dahulu kerana ada di kalangan mereka yang layak dahulu telah pun diberhentikan.

Keempat, apakah jadi dengan *database* eKasih kerana difahamkan terdapat *backlog* sebanyak 70 ribu yang mereka ini tidak tersenaraikan dalam penerima JKM dan apakah tindakan untuk menyelesaikan isu-isu tersebut? Apakah tindakan kementerian untuk menghadapi masa-masa yang mendatang akibat pandemik COVID-19 yang berada dalam gelombang yang ketiga? Mohon Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Terima kasih.

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff: Terima kasih Yang Berhormat. Rasa tidak satu soalan, ada sebanyak tiga, empat soalan. Pertama berkaitan dengan

kenaikan bantuan kepada RM1,000. Saya harap *insya-Allah* kita dapat maklumat nanti selepas pembentangan bajet esok, *insya-Allah.*

Berkaitan dengan bantuan yang diberi kepada golongan sasar, memang jumlah setakat ini lebih daripada sebanyak 500 ribu iaitu hampir setengah juta penerima bulanan bantuan yang diterima melalui JKM.

Untuk berdepan dengan kenaikan pemohon ataupun kenaikan PGK dan sebagainya, sudah tentulah angkanya akan meningkat dan kita menjangka sebanyak tiga kali ganda akan meningkat permohonan untuk menerima bantuan.

■1130

Kita sekarang ini menyediakan pelbagai usaha termasuk juga pemutihan dalam senarai eKasih dengan kerjasama dengan kementerian-kementerian yang lain termasuk pelbagai agensi untuk memastikan semua program mereka yang layak untuk mendapat bantuan.

Di samping itu juga, kementerian juga baru sahaja melancarkan program baharu di kementerian iaitu Kembara Prihatin Negara. Tujuannya adalah untuk memastikan mereka yang layak terutama golongan yang terkesan COVID-19 ini dapat menerima bantuan selayaknya dengan menyasarkan satu juta orang penerima. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

5. Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, penglibatan belia di luar bandar dalam inisiatif *Place and Train* bagi menyediakan latihan kemahiran kepada para belia.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Belia dan Sukan mengucapkan terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat Bachok terhadap penglibatan belia luar bandar dalam inisiatif *Place and Train* yang menyediakan latihan kemahiran untuk belia.

Kementerian Belia dan Sukan melalui 22 Institut Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) menawarkan latihan kemahiran sepenuh masa daripada Tahap 1 hingga Tahap 5 Sijil Kemahiran Malaysia, Diploma Kemahiran Malaysia dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia serta pensijilan profesional.

Ini melibatkan 14 bidang utama. Antaranya teknologi awam, mekanikal, *electrical*, elektronik, hospitaliti dan pelbagai lagi. Seiring dengan perkembangan teknologi semasa serta keperluan tenaga kerja mahir oleh industri, pelbagai program latihan kemahiran dan teknikal disediakan untuk golongan belia 'MES' termasuklah belia NEET atau *Not in Education, Employment and Training,* dengan izin, dan belia berisiko.

Place and Train adalah inisiatif untuk menyediakan peluang pekerjaan diikuti dengan latihan bagi memenuhi keperluan industri secara khusus. Inisiatif ini terbuka untuk graduan menganggur, lepasan sekolah dan pekerja yang diberhentikan terutamanya belia luar bandar. Kemahiran dan pengetahuan yang spesifik ini membantu meningkatkan kebolehpasaran mereka.

Kerajaan menyasarkan lebih ramai tenaga kerja mahir yang amat diperlukan oleh industri-industri baharu yang bercambah hasil revolusi industri keempat. Kemahiran yang diperlukan juga sentiasa mengalami evolusi yang sentiasa perlu dikemas kini. Kebanyakan latihan ini dikategorikan sebagai pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional ataupun TVET dan berlandaskan piawaian pekerjaan yang diiktiraf oleh pihak industri.

Antara inisiatif yang dilaksanakan ialah program *Bootcamp* yang menyasarkan warganegara Malaysia daripada kalangan belia yang berumur 18 tahun hingga 30 tahun yang mempunyai literasi namun kelayakan akademik yang minimum serta berminat dalam bidang-bidang kemahiran yang ditawarkan. Ia dilaksanakan selama satu bulan hingga tiga bulan secara intensif dengan kerjasama rakan strategik dan industri yang menjadi majikan dalam bidang-bidang yang saya sebutkan tadi.

Antara ciri-ciri program *Bootcamp* seperti berikut. Peserta menjalani sesi induksi ILKBS untuk mempersiapkan minda dan etika kerja, pembelajaran *theoretical* yang relevan, seliaan dan tunjuk ajar dibekalkan oleh tenaga pengajar berpengalaman dan pakar dari industri. Peserta mendapat pengalaman bekerja dalam suasana kerja yang sebenar. Peserta juga berpeluang menerima tawaran kerja daripada majikan dengan pendapatan yang setara atau lebih daripada gaji minimum yang ditetapkan oleh kerajaan.

Program *reskilling* dan *upskilling* juga membolehkan mereka terus menimba kemahiran terkini dan meningkatkan peluang kerjaya mereka. Antara tahun 2017 hingga tahun ini, kerajaan telah membelanjakan RM8.5 juta untuk melatih 1,925 orang belia melalui 90 program. Ini bersamaan dengan 481 orang belia dengan kos RM2.1 juta setiap tahun.

KBS meneruskan inisiatif ini untuk melahirkan belia berkemahiran, membuka lebih banyak ruang dan peluang pekerjaan dan menangani keresahan belia terutamanya bagi mereka yang berada di luar bandar. Sekian, terima kasih.

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang diberikan. Agak jelas, terima kasih.

Saya alu-alukan usaha yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan di bawah rancangan PENJANA bagi membuka peluang pekerjaan kepada anak muda khususnya berhadapan dengan pandemik hari ini. Inisiatif *Place and Train* ini bagi saya agak menarik kerana ia memudahkan jalan kepada anak muda hari ini untuk memperoleh pekerjaan dalam pelbagai sektor dan industri.

Persoalan saya, setakat ini oleh sebab inisiatif ini amat bergantung kepada penglibatan industri, sejauh manakah penglibatan pihak industri dalam keseluruhan rancangan Penjana Kerjaya khususnya golongan muda? Apakah usaha bagi menarik lebih ramai pihak industri tempatan untuk terlibat sekali gus membuka peluang penempatan pekerjaan seluasnya kepada golongan belia di negara kita hari ini? Terima kasih.

Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal: Terima kasih Yang Berhormat Bachok. Penglibatan industri sangat aktif dalam pelbagai inisiatif yang melibatkan *Place and Train* yang kita tawarkan dan ada pelbagai inisiatif yang bersifat rentas kementerian khususnya bersama dengan Kementerian Sumber Manusia.

Akan tetapi, sekurang-kurangnya di peringkat Kementerian Belia dan Sukan kita tahun ini sahaja, tahun 2020, kita ada 26 program *Place and Train, Bootcamp* ini yang mana penglibatan industri sebanyak hampir 20 pihak swasta yang bersama-sama membantu Kementerian Belia dan Sukan untuk melatih anak muda dalam pelbagai sektor pekerjaan yang kritikal. Contohnya juruteknik penyelenggaraan rel untuk *Bootcamp polish wax, coating* dan *ceramic coating, operating crane* menara dan pelbagai lagi.

Jadi semua ini memang dilakukan dengan kerjasama melibatkan pihak swasta dan kerajaan. Kita harapkan untuk tahun mendatang akan lebih banyak kerjasama yang kita lakukan bersama pihak industri dalam menjayakan program *Place and Train* ini. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya difahamkan bahawa beberapa sektor di negara kita ini memerlukan beribu-ribu pekerja yang selama ini kita bergantung dengan pekerja asing. Jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi amat kita alu-alukan dengan adanya kerjasama antara industri.

Persoalan saya ialah bagaimanakah para belia ini dikenal pasti di seluruh negara supaya kita dapat menangani kekurangan pekerja? Adakah penglibatan persatuan-persatuan belia dalam mengenal pasti belia-belia ini? Terima kasih.

Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal: Terima kasih Yang Berhormat Tuaran. Sudah tentu di peringkat Kementerian Belia dan Sukan, kita mempunyai pelbagai *stakeholder* dan kita melakukan banyak sesi libat urus bersama dengan belia-belia dan persatuan belia di seluruh negara dalam beberapa sesi seperti Majlis Perundingan Belia yang kita lakukan secara *virtual* juga pada hari ini. Ini yang mana kita dengar sendiri daripada pihak akar umbi apa yang mereka perlukan, sektor mana yang mereka perlu terlibat dan apa yang Kementerian Belia dan Sukan dengan kerjasama kementerian-kementerian lain dapat kita lakukan usaha sama bersama pihak swasta agar banyak lagi peluang *Place and Train* ataupun *Bootcamp* ini dapat kita lakukan.

Ramai anak muda tidak mahu menjalani kursus yang lama kerana mahu dapat pekerjaan yang terus mereka boleh bersama-sama ke dalamnya agar mereka mendapat gaji ataupun pendapatan yang mendesak. Jadi ini perkara yang kita dapat lihat dalam trend sepanjang tempoh pandemik COVID-19 ini yang mana *Place and Train,* salah satu cara yang paling cepat kita membantu anak muda masuk semula ke dalam pasaran kerja. Terima kasih.

6. Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau] minta Perdana Menteri menyatakan, apakah tindakan diambil oleh kementerian bagi mengurangkan had pendapatan kemiskinan

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) [Tuan Arthur Joseph Kurup]: Selamat pagi dan salam sejahtera. Untuk makluman Yang Berhormat Tebrau, kita di Malaysia menggunakan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) untuk mengukur kadar kemiskinan dalam negara kita. PGK ini merujuk kepada jumlah pendapatan yang diperlukan oleh sebuah isi rumah bagi memenuhi keperluan minimum makanan dan juga bukan makanan untuk hidup sihat dan aktif dalam masyarakat kita.

Pada tahun lepas, PGK kita telah disemak semula dengan menambah baik elemen makanan dan juga bukan makanan untuk menggambarkan peningkatan kualiti dalam kehidupan. Konsep PGK makanan berubah daripada keperluan minimum kalori kepada keperluan optimum minimum yang menunjukkan peningkatan kualiti item bakul makanan.

Bagi PGK bukan makanan pula, keperluan kumpulan B20 telah bertambah daripada 106 item kepada 146 item. Perlu ditekankan juga bahawa PGK merujuk kepada pendapatan isi rumah dan bukan kepada pendapatan individu.

■1140

Jadi berdasarkan metodologi baru ini, PGK terkini adalah sebanyak RM2,208 sebulan berbanding dengan PGK berasaskan metodologi lama pada tahun 2005 iaitu RM980 sebulan. Dengan menggunakan metodologi PGK baru ini, kita punya kadar kemiskinan mutlak pada tahun 2019 adalah pada 5.6 peratus dan ini menunjukkan penurunan daripada 7.6 peratus pada tahun 2016.

Ini menunjukkan bahawa usaha pembasmian kemiskinan oleh semua pihak berjaya mengurangkan kadar kemiskinan. Namun, kita masih terdapat golongan miskin dan berpendapatan rendah khususnya daripada isi rumah B40 yang masih perlu dibantu.

Maka kerajaan kita mempunyai perancangan yang cukup menyeluruh untuk meningkatkan pendapatan dan kuasa beli serta kesejahteraan isi rumah B40 melalui beberapa pendekatan seperti berikut:

(i) untuk menyediakan program peningkatan pendapatan serta peningkatan keupayaan mendapat pekerjaan yang berpendapatan lebih tinggi dengan membina kapasiti dan keupayaan seperti Program Pemerkasaan Ekonomi Bandar dan Program Peningkatan Pendapatan;

(ii) untuk menambah baik akses kepada keperluan asas termasuk pendidikan, kesihatan dan juga perumahan; sebagai contoh bagi perumahan kita ada Program Perumahan Rakyat Termiskin, Program Bantuan Rumah dan Projek Perumahan Mampu Milik;

(iii) untuk menggalakkan keusahawanan dan akses kepada pembiayaan kewangan untuk menjana pendapatan dengan menceburi bidang perniagaan seperti pembiayaan mikro seperti TEKUN dan Program Latihan Keusahawanan; dan

(iv) meningkatkan sistem perlindungan sosial dengan mewujudkan satu rangka kerja perlindungan sosial yang bersepadu dan komprehensif termasuk Skim Peduli Kesihatan untuk kumpulan B40.

Sebagai kerajaan yang prihatin, tumpuan akan terus diberi kepada isi rumah daripada kumpulan B40 memandangkan kumpulan ini lebih memerlukan bantuan untuk meningkatkan pendapatan dan juga kesejahteraan. Sekian dan terima kasih.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab soalan saya.

Soalan tambahan saya, berdasarkan kepada statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, ini ialah satu statistik yang menunjukkan isi keluarga terkaya dan termiskin mengikut etnik. Maklumat yang saya dapat ini menunjukkan isi rumah dalam kalangan *top 20,* dengan izin, di Malaysia ialah, bumiputera ada 750 ribu isi keluarga dalam kalangan yang dikatakan *top 20*. Ini merupakan 52 peratus kesemuanya isi keluarga.

Keluarga Cina ada 565 isi keluarga dalam kalangan *top 20* dan ini merupakan 39 peratus. India ada 122 isi keluarga merupakan lapan peratus dalam *top 20*. Manakala golongan *bottom 30 percent,* dengan izin, ini merupakan isi keluarga yang ada pendapatan kurang daripada RM6,000 sebulan.

Saya terkejut kerana bumiputera ada 1.6 juta isi keluarga dalam golongan di bawah kita kata *bottom 30 percent,* dengan izin. Ini merupakan dalam peratusan- 72 peratus dan Cina ada 422 ribu isi keluarga dalam kalangan ini, di bawah RM4,000. Ini merupakan hanya 20 peratus dan India ada 167 ribu isi keluarga...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Tebrau, bagi soalan ya.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Jadi persoalan saya adalah, dengan langkah-langkah yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, adakah ini akan mengurangkan jurang kekayaan di antara *top 20* dengan *bottom 30* yang selama ini tidak dapat diselesaikan? Terima kasih.

Tuan Arthur Joseph Kurup: Terima kasih atas soalan dari Yang Berhormat Tebrau. Untuk maklumat dari Jabatan Perangkaan Malaysia, kalau kita menggunakan metodologi PGK yang baru ini, kadar kemiskinan di negara kita memang ada turun. Sebagai contoh pada tahun 2009, kadar kemiskinan kita menggunakan metodologi yang baru ini adalah pada 26 peratus dan 2012 ia turun kepada 19 peratus, 2014 turun kepada 12 peratus, 2016 turun kepada lapan peratus dan sekarang berada pada 5.6 peratus.

Jadi untuk makluman Yang Berhormat Tebrau, dalam Kerajaan Perikatan Nasional ini kita tidak memilih kaum atau bangsa dalam kita menggubal dasar untuk membantu siapa yang miskin, siapa yang perlu bantuan. Sebagai contoh dalam Pakej PRIHATIN, BPN dan sebagainya, bantuan itu adalah secara menyeluruh kepada semua dan ia tidak memilih kaum. Akan tetapi pada masa yang sama, kita juga akur bahawa dalam statistik yang kita ada, ramai daripada kaum bumiputera yang masih memerlukan bantuan.

Itulah sebab pada 2 September, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berbincang dalam Kabinet untuk menubuhkan Jawatankuasa Khas Kabinet Menangani Kemiskinan dan juga ada satu Majlis Tindakan Bumiputera untuk membantu, untuk mengurangkan jurang kemiskinan antara kumpulan B40 ataupun B20 dan B10 dan juga kumpulan yang paling atas. Sekian, dan terima kasih.

Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pelaksanaan Perintah Gaji Minimum melebihi had Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Nasional. Walau bagaimanapun, PGK terbaru menunjukkan peringkat gaji minimum yang dilaksanakan ketika ini amat rendah iaitu bersamaan kurang 50 peratus.

Saya ingin bertanya, adakah kerajaan bercadang untuk meningkatkan kadar Perintah Gaji Minimum supaya selari dengan had PGK. Apakah inisiatif daripada pihak kerajaan untuk membantu golongan B40 yang memastikan mereka mempunyai akses terhadap kerajaan yang menawarkan gaji yang lebih tinggi? Terima kasih.

Tuan Arthur Joseph Kurup: Terima kasih Yang Berhormat Parit. Untuk makluman Yang Berhormat Parit, kita kena tekankan di sini bahawa PGK yang baru ini berasaskan kepada pendapatan isi rumah, bukan kepada pendapatan individu. Pendapatan isi rumah ini bermaksud jumlah pendapatan ahli isi rumah dalam bentuk wang tunai dan harta benda yang berlaku berulang kali dalam jangka masa setahun. Punca ini adalah terdapat empat jenis iaitu:

(i) pekerjaan bergaji; ini termasuk gaji, elaun, bonus dan sebagainya;

(ii) hasil daripada bekerja sendiri; ini termasuk hasil-hasil pertanian, perikanan, pendapatan ICT, *online marketing* dan sebagainya;

(iii) harta dan pelaburan; ini termasuk pendapatan daripada sewa, royalti, dividen dan sebagainya; dan

(iv) pindahan semasa- *cash transfer*; ini termasuk bayaran ataupun bantuan seperti biasiswa, pencen, bantuan sara hidup, bayaran nafkah dan sebagainya.

■1150

Jadi untuk makluman Yang Berhormat Tebrau, PGK ini adalah secara menyeluruh. Kita telah membuat penambahbaikan daripada PGK tahun 2005. Sebagai

contoh, sekarang PGK yang baharu, kita mempunyai senarai bakul bukan makanan yang ditambah daripada 106 item kepada 146 item.

Sebagai contoh, dahulu benda-benda yang kita tidak kira sebagai *essential,* kali ini kita masukkan dalam senarai sebab ia dikira *essential* untuk mencapai satu minimum kesejahteraan hidup. Contoh, dahulu kita tidak masukan ubat darah tinggi. Atas faktor kesihatan, sekarang kita masuk ubat darah tinggi, ubat sakit jantung, ubat kencing manis, kad prabayar- *reload) handphone* dan sebagainya juga dimasukkan. Jadi, ini adalah secara senarai yang lebih menyeluruh memandangkan kepada perubahan zaman.

Bagi soalan Yang Berhormat Parit pula, adakah kerajaan akan kaji untuk meningkatkan gaji minimum. Saya yakin bahawa kerajaan ini akan sentiasa mengikuti perubahan zaman. Dalam apa pun, kita akan sentiasa buat yang terbaik, termasuk sentiasa mengkaji PGK untuk memastikan ia *up-to-date* dan juga paras gaji minimum yang mungkin boleh dibentangkan nanti. Harap itu menjawab kepada soalan Yang Berhormat Parit. Sekian, terima kasih.

7. Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis] minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan, apa bentuk program yang telah dan akan diperkenalkan oleh kementerian untuk pembangunan Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) di Sabah kala pandemik COVID-19 ini.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, mohon untuk saya menanggalkan topeng pelitup muka, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, pelbagai strategi dan juga inisiatif telah pun dan juga sedang dan akan dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi melalui agensi-agensinya bagi membantu pembangunan usahawan perusahaan kecil sederhana di seluruh negara dan termasuklah negeri Sabah sewaktu pandemik COVID-19 ini. Ini usaha untuk kita mempertingkatkan, termasuklah memantapkan juga daya saing, daya tahan usahawan dan antara program dan juga inisiatif yang telah pun dilaksanakan.

Pertama, melalui program pembiayaan kepada PKS iaitu kemudahan pembiayaan yang disediakan oleh MEDAC melalui agensi-agensi di bawah ini meliputi modal permulaan dan juga mengembangkan perniagaan, pembelian bahan mentah, stok dan juga aset perniagaan seperti berikut. Yakni yang mana di bawah TEKUN Nasional, Skim Pembiayaan TEKUN Niaga, Skim Pembiayaan TEMAN TEKUN, Skim Pembiayaan Kontrak-i, Skim Pembiayaan Program TemanNita dan Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India. Melalui SME Bank pula, kita ada Program Pembiayaan Premis Usahawan, Skim Pembiayaan Ekonomi Desa, Skim Pembiayaan i-Rates, Skim Pembiayaan i-SPLASH dan Program Pembiayaan Perniagaan Kecil (SBF).

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tahun 2020 sehingga September sebanyak RM56.3 juta telah pun disalurkan oleh TEKUN Nasional bagi membantu lebih kurang 5,422 orang- usahawan dalam negeri Sabah. Di samping itu, setakat September 2020 melalui Pakej Rangsangan Prihatin PKS sebanyak 2,436 permohonan telah pun diluluskan dengan nilai RM17.5 juta bagi negeri Sabah, khusus untuk membantu peniaga kecil bagi mendapatkan bantuan modal perniagaan tanpa caj melalui Program CBRM, yang mana *zero interest*.

Melalui peruntukan dana PENJANA, TEKUN juga membantu melalui Program *TEKUN Business Recovery Scheme* (TBRS) yang mana negeri Sabah sampai September 2020 telah pun menerima manfaat seramai 1,385 orang- usahawan yang bernilai RM7.6 juta. Untuk makluman bagi kawasan Yang Berhormat pula, bagi program keduanya iaitu Program CBRM dan juga TBRS sebanyak 64 telah menerima manfaat yang membawa kepada jumlah RM436 ribu.

Selain daripada itu Yang Berhormat, SME Bank bagi tahun 2020 telah pun meluluskan pembiayaan kepada 139 orang- usahawan yang bernilai RM72.1 juta, manakala untuk Bank Rakyat telah pun meluluskan pembiayaan BR *Cash* kepada 2,704 orang- usahawan berjumlah RM224.6 juta dan telah pun diberikan kepada 273 orang-usahawan yang bernilai RM17.7 juta bagi negeri Sabah.

Bagi pembangunan kapasiti usahawan, untuk makluman, di bawah MEDAC melalui Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) yang melibatkan implikasi kewangan sebanyak RM114,371 bagi tahun 2019 dan hampir 300 ribu bagi tahun 2020, seramai 595 orang- usahawan telah pun mendapat manfaat, termasuklah dalam Program INSKEN *Business Coaching*, Kursus Asas Keusahawanan dan juga INSKEN *Business Training*. Selain daripada itu juga, kita ada program di bawah SME Corp dan juga

program yang agak popular di kalangan anak muda iaitu Program TUBE. Menerusi program-program pembiayaan dan juga pembangunan kapasiti ini di negeri Sabah dijangka akan dapat membantu jualan dan juga meningkatkan lagi taraf ekonomi mereka. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Silakan Yang Berhormat Kimanis, soalan tambahan.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan sebentar tadi. Selain daripada bantuan yang telah dinyatakan, saya hendak tahu berapa ramai usahawan-usahawan yang telah mendapat manfaat untuk moratorium bayaran balik pembayaran, khususnya di negeri Sabah. Oleh sebab, kita tahu yang Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, perusahaan kecil sederhana (PKS) ini ramai yang menjaja di pasar malam, pasar ikan dan pada tamu-tamu. Mereka ini bukan mampu untuk mendapatkan *loan* dari bank-bank, tidak. Akan tetapi khusus kepada AIM umpamanya, Amanah Ikhtiar Malaysia dan TEKUN tadi disebutkan juga dan di Sabah ini ada beberapa buah agensi kewangan yang memberi pinjaman juga.

Jadi, saya hendak tahu adakah *integrated effort* dibuat oleh pihak kementerian yang merentasi kementerian-kementerian yang lain untuk berunding dengan mereka untuk memberi juga moratorium ataupun penangguhan bayaran balik. Kalau di Sabah itu, ada Yayasan Usahawan Maju (YUM) ataupun agensi-agensi pemberi pinjam wang atau *money lender* yang mempunyai lesen yang berdaftar di bawah MOF ataupun di bawah PBT. Jadi, ini perlu dilihat secara holistik dan secara dekat. Oleh sebab mereka ini tidak mendapat *loan* dari bank-bank tetapi tempat agensi-agensi yang kecil yang saya sebutkan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin: Terima kasih saya ucapkan. Terima kasih banyak-banyak pada Yang Berhormat Kimanis yang begitu prihatin dan juga menyentuh tentang bantuan moratorium. Untuk makluman Yang Berhormat Kimanis, selain daripada bantuan yang telah saya nyatakan sebentar tadi, kita melihat bahawa Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi amat prihatin dan juga melihat kepada kemapanan dan juga kelestarian perniagaan usahawan di Malaysia, terutama dalam berhadapan gelombang ketiga COVID-19 ini.

Jadi untuk itu, kementerian melalui agensi telah pun memberi moratorium bayaran balik enam bulan kepada usahawan yang layak di negeri Sabah.

Melalui SME Bank, usahawan yang terlibat seramai 298 yang melibatkan RM360.68 juta, bawah TEKUN Nasional yang melibatkan 13,949 orang- usahawan yang melibatkan RM89 juta, yang begitu juga PNS sebanyak 14 orang- usahawan melibatkan RM2 juta dan Bank Rakyat seramai 23 orang- usahawan yang melibatkan RM31.67 juta.

Untuk makluman, bagi usahawan yang terjejas di bawah TEKUN Nasional, kita memberi peluang untuk mereka memohon sampai November ini untuk membuat permohonan untuk moratorium untuk tambahan selama tiga bulan lagi. Saya minta Yang Berhormat-Yang Berhormat di kawasan dapat menguar-uarkan supaya dapat membuat atau menggunakan kemudahan moratorium ini untuk membantu mereka dalam usaha untuk kita membantu mereka mengatasi pandemik COVID-19 ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tiada soalan tambahan kedua. Seterusnya, saya ingin menjemput Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Ada pantun Tuan Yang di-Pertua.

Nak isytihar Darurat;
Eh, baru tujuh bulan!;
Politik licik, bacul dan jahat;
Cis, jawab mu- nombor Lapan!

8. Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam] minta Perdana Menteri menyatakan, adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk meminda Artikel 145 Perlembagaan Persekutuan bagi memisahkan kuasa dan fungsi Pendakwa Raya dari pejabat Peguam Negara bagi memastikan kuasa pendakwaan yang lebih telus dalam sistem keadilan Malaysia.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Takiyuddin bin Hassan]: Cis, terimalah jawapannya... *[Ketawa]* Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat Shah Alam. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan juga Dewan ini, inisiatif untuk mengasingkan peranan Pendakwa Raya daripada Peguam Negara merupakan salah satu strategi di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas dan juga dalam Pelan Anti Rasuah Nasional Negara. Inisiatif ini diteruskan di bawah dasar kerajaan pada masa ini. Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa sebenarnya idea ataupun inisiatif yang diambil dalam hal ini telah pun dimulakan sejak tahun 2016 lagi. Ia telah mendapat perhatian pihak Jabatan Peguam Negara (AGC) untuk dibuat kajian selanjutnya.

■1200

Jabatan Peguam Negara agensi penyelaras bagi inisiatif ini dan juga agensi pelaksana bagi strategi tersebut. Jabatan Peguam Negara sedang memuktamadkan laporan kajian pengasingan peranan pendakwa raya dan Peguam Negara termasuk cadangan pindaan kepada Perkara 145, Perlembagaan Persekutuan untuk dibentangkan di dalam Jemaah Menteri dijangka pada penghujung tahun 2020 ini.

Saya juga suka menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa kerajaan yang lalu iaitu Kerajaan Pakatan Harapan telah memberikan alasan termasuk jawapan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan Pakatan Harapan perlu meminda Perlembagaan bagi membuka laluan kepada pemisahan peranan itu dan membolehkan dua individu dilantik untuk menjalankan fungsi ini. Ini adalah kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Langkawi semasa menjadi Perdana Menteri dahulu. Beliau mengatakan bahawa, "waktu ini kita belum mempunyai jumlah yang cukup iaitu 2/3 di dalam Dewan Rakyat untuk menentukan pindaan ini dapat diluluskan".

Bagi pihak kerajaan sekarang ini, saya ingin menyatakan bahawa sememangnya berdasarkan Perkara 159, Perlembagaan Persekutuan, pindaan Perlembagaan memerlukan 2/3. Namun demikian, perkara yang baik seumpama ini tidak semestinya memerlukan bilangan 2/3 di pihak kerajaan sahaja. Sebagai contoh Yang Berhormat Muar telah mengambil inisiatif yang cukup baik walaupun pada masa itu Pakatan Harapan tidak mempunyai 2/3 majoriti tetapi dengan libat urus yang dibuat dengan pihak pembangkang pada masa itu, pindaan Perlembagaan berkaitan umur minima mengundi 18 tahun dapat diteruskan dan diluluskan.

Saya percaya sekiranya perkara ini disokong oleh rakan-rakan di sebelah sana termasuk Yang Berhormat Shah Alam, kita boleh meminda Perlembagaan ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan pertama, silakan.

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang memberikan pengesahan bahawa perkara ini akan terus diusahakan. Sememangnya ia merupakan satu perkara yang ada dalam manifesto Pakatan Harapan dan persoalan 2/3 itu sememangnya adalah diperlukan.

Bagi pihak Pakatan Harapan, oleh sebab ia sudah berada dalam manifesto, kami memberikan jaminan bahawa sekiranya usul untuk membawa pemisahan di antara Peguam Negara dan pendakwa raya, maka kita akan menyokong sepenuhnya kerana ini akan memberikan kebebasan dan untuk menentukan bahawa tidak ada pendakwaan yang bermotifkan politik. Ini merupakan satu perkara yang amat mencemarkan suasana negara kita di mana baru-baru ini kita dapati bahawa ada berbagai-bagai dakwaan ataupun tindakan pendakwaan yang ramai mentafsirkan mempunyai motif politik dan kita harap bahawa dengan pindaan ini ia akan dihentikan. Apakah pandangan Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, silakan.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Terima kasih rakan saya Yang Berhormat Shah Alam. Saya ingin memaklumkan, ini perkembangan terkini pada hari ini. Suatu mesyuarat telah diadakan di antara Peguam Negara dengan Peguam Cara Negara, Peguam Cara II Negara dan Ketua Unit Pendakwaan iaitu di Jabatan Peguam Negara untuk memuktamadkan Memorandum Jemaah Menteri (MJM) dan juga menyiapkan RUU pindaan ke atas Perkara 145 ini. Maknanya kerajaan hari ini amat serius dalam melaksanakan perkara ini dan ia akan dibawa sebagaimana yang saya sebutkan tadi dalam Jemaah Menteri pada tahun ini juga. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan kedua.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: *[Bangun]*

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tanjong Karang, silakan.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih. Saya tertarik dengan jawapan Yang Berhormat Menteri mengenai pemisahan pendakwaan dengan Peguam Negara untuk mengelakkan seperti mana Yang Berhormat Shah Alam kata tadi pendakwaan politik.

Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Menteri, apakah dasar di mana kumpulan-kumpulan pendakwaan yang dilantik luar daripada pegawai-pegawai pendakwa ini akan diteruskan? Ini bagi saya dilihat seolah-olah pendakwa-pendakwa kita ini, pegawai pendakwa raya ini seolah-olah tidak ada kemampuan untuk menguruskan kes, mengapakah dilantik kumpulan dari luar?

Adakah kerajaan akan memberhentikan kumpulan-kumpulan pendakwaan yang diketuai oleh kumpulan luar ini seperti kita tahu bila hendak habis kes-kes yang besar, lantik Gopal Sri Ram sebagai mengetuainya sedangkan beliau ini bekas seorang hakim. Dahulu Majlis Peguam, *Bar Council* pernah membuat satu resolusi supaya bekas-bekas hakim ini jangan dilantik sebab kadang-kadang hakim-hakim di hadapan itu pun mungkin anak-anak buah dia. Adakah dasar ini akan diberhentikan? Saya hendak minta supaya kumpulan ini dibubarkan dengan segera. Lantiklah pendakwa-pendakwa yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Terima kasih rakan saya Yang Berhormat Tanjong Karang, seorang peguam yang mempunyai pengalaman dalam mahkamah.

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Tolong diam sekejap.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebutkan bahawa langkah untuk melantik para peguam menjadi pendakwa raya suatu perkara berdasarkan kepada undang-undang. Sebagaimana kita maklum bahawa Peguam Negara mempunyai kuasa dengan menggunakan satu buah instrumen yang dipanggil *fiat* untuk melantik mana-mana orang yang difikirkan layak, mempunyai kepakaran dalam bidang tertentu untuk menjadi peguam ataupun menjadi pendakwa raya bagi pihak kerajaan. Ini bukan satu perkara yang asing.

Pada zaman kerajaan sebelum PRU14 pun ada. Selepas PRU14 pun ada. Cuma, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini berdasarkan manifesto Pakatan Harapan, Pakatan Harapan menetapkan bahawa Peguam Negara dilantik daripada kalangan Ahli Parlimen, itu dalam manifesto Pakatan Harapan. Namun demikian, apabila Pakatan Harapan menjadi kerajaan mereka tidak melantik mana-mana Ahli Parlimen sebaliknya melantik seorang bekas peguam untuk menjadi Peguam Negara.

Adapun pertanyaan daripada Yang Berhormat Tanjong Karang sama ada di masa akan datang akan diteruskan amalan melantik peguam menjadi pendakwa raya, itu bergantung kepada keadaan. Ini adalah pertimbangan yang perlu dibuat oleh Peguam Negara, kalau sekiranya dipisahkan mungkin ketua pendakwa raya akan menentukan, ini berdasarkan kepada Perlembagaan. Boleh dilantik sesiapapun yang berkelayakan untuk menjadi pendakwa raya dalam kes-kes yang tertentu. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya teruskan...

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah dua Yang Berhormat. Maaf.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Sekejap sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Penting. Sangat penting.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, sedikit sahaja. Ringkas.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sambil kita berbincang soal untuk kita membebaskan institusi pendakwa raya daripada campur tangan politik. Pada dua bulan lepas ada berita yang sangat baik yang dilaporkan di mana pelantikan Ketua Pengarah SPRM juga akan dibuat

atau diletakkan di bawah institusi Parlimen dan akan kita wujudkan satu buah tribunal khas di mana kalau ada mana-mana pegawai SPRM yang diambil tindakan, ada tribunal khas yang perlu mereka lalui dan tidak lagi boleh ada campur tangan politik. Ini berita yang sangat baik. Saya ingin tahu status terkini reformasi SRPM yang telah pun dicadangkan. Terima kasih.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Statusnya masih dalam kajian dan perancangan untuk dimuktamadkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Maaf, saya ingin menjemput Yang Berhormat Kuala Krai untuk soalan nombor sembilan. Silakan.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ini, saya mulakan dengan pantun.

Gulai tempoyak ikan lampan;
Menadah kitab di pondok Sungai Durian,
Halalan toyyiban kami semua harapkan;
Soalan saya nombor sembilan.

9. **Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]** minta Perdana Menteri menyatakan, adakah kerajaan akan melaksanakan perintah wajib halal daripada JAKIM terutama bagi kedai makan dan restoran di lapangan terbang dan pasar raya dan bagaimana pula dengan status *"No Pork"* yang sering dipamerkan oleh restoran-restoran tersebut.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) [Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai atas soalan yang sangat baik dan juga pantun yang sangat baik. Saya akan menjawab pantun itu selepas daripada sidang ini... *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan melaksanakan Sistem Pensijilan Halal (SPHM) bagi membantu pengguna membuat pilihan dan mengenal pasti status halal sesuatu produk. Berdasarkan undang-undang yang sedia ada, permohonan adalah bersifat terbuka kepada semua pengusaha sama ada dimiliki oleh orang Islam mahupun bukan Islam.

Akta 730, Akta Perihal Dagangan 2011 merupakan akta yang telah dikuatkuasakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Melalui akta ini, APD 2011 telah memperuntukkan undang-undang subsidiari iaitu Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011.

■1210

Melalui peruntukan ini, JAKIM dan Majlis Agama Islam negeri-negeri telah dinamakan sebagai pihak berkuasa berwibawa untuk memperakukan halal. Setiap produk dan perkhidmatan yang ingin dipersijilkan halal, pemeriksaan dibuat dengan teliti dan terperinci untuk memastikan ramuan yang digunakan adalah halal. Proses dan pengendalian dibuat dengan menepati kehendak syarak serta berdasarkan standard *ISO/IEC 17065:2012 Conformity assessment- Requirements for Bodies Certifying Products, Processes and Services,* dengan izin.

Buat masa ini, undang-undang untuk mewajibkan SPHM kepada pengusaha belum diwujudkan. Namun, pihak JAKIM dan pihak berkuasa agama negeri telah bekerjasama dengan beberapa pihak berkuasa tempatan yang mengawal selia premis dengan mewajibkan persijilan halal melalui peraturan di bawah bidang kuasa agensi masing-masing. Antaranya, Perbadanan Putrajaya bagi premis-premis makanan, Projek Lebuhraya Utara Selatan (PLUS Malaysia Berhad) dan Grand SAGA di premis makanan kawasan rehat dan rawat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, walaupun tiada undang-undang untuk mewajibkan permohonan persijilan halal dilakukan oleh pengusaha-pengusaha premis makanan. Namun melalui seksyen 28 Akta Perihal Dagangan 2011, di bawah Perintah Perihal Dagangan Tarif Halal 2011 telah memperuntukkan bahawa mana-mana produk atau premis yang menggunakan sebarang bentuk ungkapan atau perbahasaan yang boleh mengelirukan pengguna bahawa produk atau premis berkenaan halal menjadi suatu kesalahan. Ini termasuklah ungkapan dan perbahasaan seperti "makanan orang Islam", *"Muslim product",* dan lain-lain.

Sekiranya didapati produk atau premis melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan perintah berkenaan, atau menggunakan logo halal tanpa Sijil

Pengusahaan Halal Malaysia yang sah, itu merupakan satu kesalahan. Maka, jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman mana yg berkenaan. Manakala, penggunaan istilah *'no pork'* atau *'pork- free'* bukanlah satu istilah yang menunjukkan bahawa premis berkenaan adalah halal atau menepati takrif halal mengikut peraturan dan undang-undang yg berkuat kuasa.

Sehubungan dengan itu, masyarakat sendiri perlu sedar dan bijak untuk memilih makanan atau produk atau premis yang telah disahkan halal oleh pihak berkuasa berwibawa iaitu JAKIM dan juga Jabatan Agama Islam Negeri-negeri. Sekian, terima kasih.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas penjelasan yang telah diberikan. Soalan tambahan saya ialah dapatkah Yang Berhormat nyatakan berapakah restoran ataupun *kitchen* di *airport* dan juga *malls* yang telah memiliki sijil halal dan apakah usaha ataupun inisiatif pihak kerajaan yang telah dilakukan dalam menggalakkan serta memudahkan premis-premis tersebut dan juga perusahaan IKS untuk mendapatkan sijil halal? Terima kasih.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Untuk soalan yang spesifik itu, bagi persijilan halal kategori ini, SPHM diberikan kepada dapur hotel, *coffee house, function room* yang menyajikan makanan. Ini bermakna SPHM tidak merangkumi persijilan terhadap keseluruhan hotel terbabit. Dalam pihak ini, pihak hotel bertanggungjawab memastikan semua dapur yang membekalkan makanan dan minuman ke restoran, *coffee house* dan *function room* memohon dengan SPHM.

Justeru daripada perkara pertama yang perlu dilakukan oleh pihak hotel ialah menubuhkan 'jawatankuasa halal dalaman'- *internal halal committee* serta membangunkan sistem jaminan halal- *halal assurance system.* Dengan kata lain, pihak hotel perlu memastikan kawalan halal terhadap keseluruhan rantaian dapur atau restoran yang akan dipersijilkan halal.

Untuk memudahkan pendaftaran ataupun mendapat pensijilan halal, semua pihak boleh merujuk kepada portal Halal Malaysia www.halal.gov.my. Semakan yang boleh dilakukan melalui aplikasi telefon pintar *Verify Halal.*

Berkaitan dengan memudahkan IKS yang untuk memohon persijilan halal bagi membolehkan mereka memasuki pasaran-pasaran yang lebih besar, sehingga ke hari ini SOP yang kita tetapkan ialah tempoh paling lama selama dua minggu untuk mendapatkan kelulusan, terutama dalam industri yang melibatkan *high-risk industry*. Adapun yang *low-risk industry* contohnya untuk mendapat pensijilan halal bagi bekalan air mineral dan sebagainya, tempoh yang maksimum selama seminggu dan tempoh minimum iaitu dalam tempoh tiga hari pun sudah boleh mendapat kelulusan tersebut. Sekian, terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak tanya, adakah kerajaan bercadang untuk mungkin meluaskan lagi penaksiran persijilan halal ini? Contohnya, okey, kerajaan tidak dapat mandat bolehkah dikatakan kerajaan tidak halal?... *[Dewan riuh]*

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Yang Berhormat Sepang ini tidak makan ubat, dia tanya soalan yang pelik-pelik. Soalan ini keluar daripada topik. Kerajaan Perikatan Nasional kerajaan yang halal... *[Tepuk]*

10. Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan, kos-kos yang telah disalurkan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya, agensi-agensi kerajaan yang lain seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Penerangan dan sebagainya untuk mengendali Pilihanraya Negeri Sabah, tahun 2020.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Takiyuddin bin Hassan]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Kepong. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos bagi pelaksanaan Pilihanraya Negeri Sabah Ke-16 baru-baru ini yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya adalah berjumlah RM130 juta yang merangkumi perolehan pembelian dan sewaan peralatan pilihan raya, keperluan peralatan dan sistem ICT, logistik, elaun petugas pilihan raya dan keperluan-keperluan lain yang berkaitan. Perbelanjaan ini turut mengambil kira keperluan peralatan mengikut garis panduan pencegahan COVID-19. Setakat itu dulu jawapan saya. Terima kasih.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di Malaysia ini, politik macam-macam boleh berlaku. Jadi, soalan saya sekiranya Parlimen dibubarkan ataupun Pilihan Raya Negeri Sarawak dilakukan, apakah kerajaan ataupun Suruhanjaya Pilihan Raya bersedia sekiranya ada pilihan raya negara ataupun pilihan raya di Sarawak? Terima kasih.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Yang Berhormat Kepong yang juga seorang peguam lebih maklum dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain bahawa dalam Perlembagaan kita menetapkan apabila satu-satu negeri membubarkan ataupun dibubarkan Dewan Undangan Negeri, maka Perlembagaan Persekutuan dan juga Perlembagaan Negeri memperuntukkan perlu diadakan pilihan raya dalam masa 60 hari daripada tarikh pemakluman itu. Ini adalah suatu peruntukan yang perlu dipatuhi.

Sekiranya, diandaikan Pilihan Raya Negeri Sarawak yang tarikh akhir sepatutnya diadakan 6 Jun 2021, sekiranya ditetapkan diadakan, maka tidak dapat tidak, Suruhanjaya Pilihan Raya perlu bersedia untuk mengendalikan pilihan raya tersebut. Namun demikian, dalam keadaan COVID-19 yang masih lagi melanda negara, sudah tentulah SPR perlukan kerjasama terutamanya daripada Kementerian Kesihatan Malaysia dan juga Majlis Keselamatan Negara yang mana sekarang ini pun pihak SPR telah bersiap sedia dengan garis panduan pencegahan COVID-19 bagi menghadapi pelaksanaan pilihan raya, sama ada PRU, PRN ataupun PRK itu sendiri.

Antara garis panduan, oleh sebab ditanya oleh Yang Berhormat Kepong tadi, saya suka menyatakan bahawa kerajaan ataupun SPR bersedia dengan garis panduan yang akan dibuat selaras dengan arahan Perintah Kawalan Pergerakan di bawah Akta 342 yang dikuatkuasakan oleh pihak kerajaan sekarang ini.Sebenarnya, SPR telah pun melaksanakan SOP untuk PRK di dua PRK sebelum ini- tiga sebenarnya, iaitu PRK DUN N.23 Chini, PRK DUN N.58 Slim dan juga untuk PRN bagi DUN Sabah ke-16.

Antara langkah pencegahan yang perlu diambil kira oleh SPR untuk melaksanakan pilihan raya semasa COVID-19 ini, pertama, pembersihan dan sanitasi di semua premis yang dikenal pasti akan digunakan untuk tujuan pelaksanaan pilihan raya yang mana ia perlu dilakukan disinfeksi sebelum dan semasa dan selepas digunakan, ini satu.

■1220

Keduanya, kawalan kehadiran setiap premis yang digunakan bagi tujuan pilihan raya adalah pada jumlah paling minimum. Ketiga, saringan suhu dan sebagainya, penjarakan fizikal, penggunaan *hand sanitizer.*

Saya ingin memaklumkan untuk tujuan pilihan raya kecil yang terdekat iaitu 5 Disember bagi Pilihanraya Kecil Batu Sapi, sekiranya perlu diteruskan, maka antara SOP yang utama yang akan ditetapkan ialah penganjuran sebarang bentuk ceramah, syarahan dan perhimpunan bagi tujuan kempen oleh mana-mana parti politik sepanjang tempoh berkempen adalah tidak dibenarkan. Ini SOP untuk Batu Sapi.

Calon atau parti digalakkan untuk menggunakan media massa, media sosial dan media cetak bagi tujuan berkempen. Sekarang ini SPR sedang mengadakan taklimat dan latihan kepada petugas yang akan dilaksanakan juga atas talian, tidak secara fizikal. Ini adalah perkara-perkara yang akan diambil oleh pihak kerajaan khususnya SPR bagi menangani masalah ini. Terima kasih.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih. Saya hendak ucapkan kepada Menteri, tahniah kerana SPR nampaknya sudah bersedia untuk menghadapi pilihan raya. Saya hendak buat andaian, Yang Berhormat. Itu Yang Berhormat kata tadi itu kempen, itu aktiviti parti. Bagaimana, atau apa yang akan berlaku sekiranya bila sampai waktu pilihan raya, pegawai-pegawai di pusat-pusat mengundi yang dikatakan majoritinya ialah di kalangan guru-guru pada masa itu tidak berani hendak menawarkan diri bila melibatkan dengan SPR?

Ini kerana masalah COVID-19 ini mungkin pada masa itu masih tidak dapat kita atasi walaupun tempoh pilihan raya wajib diadakan. Jadi, apakah langkah-langkah persediaan yang akan diambil? Adakah akan guna tenterakah untuk mengganti di kalangan guru selalunya yang menjadi pegawai di pusat-pusat PDM ini? Terima kasih.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Tanjong Karang sekali lagi. Secara umumnya, saya boleh menyatakan bahawa kerajaan khususnya SPR sedang bersiap-sedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan. Namun demikian, oleh sebab soalan Yang Berhormat Tanjong Karang andaian, maka jawapan saya pun juga adalah berbentuk andaian. Andaiannya, dengan izin, *we will cross*

the bridge when we get to it. Jika ada keperluan pada masa itu, kita fikirlah keadaannya. Kita tidak boleh mengandaikan benda-benda yang buruk sahaja, sebaliknya kita akan melihat yang terbaik. Terima kasih.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya kepada Menteri undang-undang. Adakah Kerajaan Pusat bercadang untuk menghadap Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sekali lagi untuk mendapat perkenan supaya diisytiharkan darurat di kawasan tertentu sahaja di Pilihanraya Kecil Batu Sapi dan juga darurat bagi negeri Sarawak untuk menangguhkan kedua-dua pilihan raya tersebut?

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat Pasir Gudang itu satu cadangan daripada pihak beliau.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Cadangan dan andaian juga.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Kerajaan, sebagaimana yang semua rakyat Malaysia maklum, bahawa baru-baru ini kerajaan telah memberi satu nasihat ke Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong supaya *invoke* atau pun menggunakan peruntukan Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan berkaitan pengisytiharan darurat ke seluruh negara berdasarkan lebih daripada 20 alasan yang telah diputuskan oleh Kabinet.

Dalam Perkara 150 adalah jelas bahawa Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa untuk membuat satu proklamasi darurat di seluruh negara ataupun mana-mana bahagian, *any part thereof.* Jadi sekiranya dirasakan perlu, mungkin kerajaan akan fikirkan. Kalau tidak keseluruhan, mungkin *any part thereof,* sebahagian, mana-mana bahagian daripada Persekutuan. Pokoknya daripada segi Perlembagaan, ia adalah dibolehkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat semua, sekarang tamatlah sesi untuk waktu Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawab Lisan pada hari ini. Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat semua.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum itu, ya. Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Inilah kali pertama saya diberi peluang untuk menanyakan soalan dan juga berinteraksi dengan Tuan Yang di-Pertua selepas persidangan bermula.

Saya baru diserahkan dengan satu Notis oleh pihak bentara yang mengandungi beberapa perkara yang telah dimaklumkan pagi tadi oleh Yang Berhormat Kota Bharu. Akan tetapi, sebelum itu saya telah lihat dalam media massa dan juga laman-laman surat khabar dan sebagainya di mana perkara ini juga telah pun diuar-uarkan berkenaan dengan pengehadan yang akan dikenakan kepada ahli-ahli yang akan masuk ke dalam Dewan semasa pembentangan bajet belanjawan.

Saya cuma ingin tanya, pertamanya, kalau perkara ini telah pun dipersetujui oleh pihak-pihak. Nombor satu. Cuma nombor dua, kritikan yang sekarang dilontarkan oleh pihak netizen terhadap Tuan Yang di-Pertua. Saya menarik perhatian kepada perkara pertama, kehadiran Ahli Yang Berhormat adalah dihadkan kepada 80 orang sahaja kepada satu-satu masa di dalam Dewan Rakyat termasuk ahli yang akan berbahas dengan pecahan pembahagian 41 pihak kerajaan dan 39 pihak pembangkang. Kenapakah begitu Tuan Yang di-Pertua? Persoalan saya yang pertama.

Memang saya tidak mahu membuat sebarang pertuduhan, tetapi ia seolah-olah Tuan Yang di-Pertua, jangan salah faham- mengatur bilangan orang-orang yang akan berada dalam Dewan. Sepatutnya saya rasa- *I mean,* Tuan Yang di-Pertua seorang peguam yang terkenal. *So,* saya hanya tidak mahu Tuan Yang di-Pertua dikritik tanpa sebarang asas. *So,* sebab itu saya ingin tanya, kenapakah tidak 40-40 bagi pihak pembangkang dan pihak kerajaan untuk ketika undi dan sebagainya? Mungkin perkara ini telah dipersetujui oleh pihak *Whip*, tetapi saya cuma ingin mohon penjelasan, kenapakah ia tidak sama rata? Kenapa ia 41 atas pihak kerajaan, dan 39 atas pihak pembangkang, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Jelutong kerana memberikan saya peluang untuk memberi sedikit penerangan. Sebenarnya ini satu

keputusan konsensus antara semua *Chief Whip* yang hadir dalam mesyuarat semalam. Ini konsensus ya, bukan kita undi majoriti atau apa. Ini konsensus. Nombor satu.

Nombor dua. Sebenarnya, kalau boleh saya berikan sedikit perbincangan semasa *meeting* itu. Malah, terdapat cadangan cuma dua *person* sahaja dari satu buah parti yang hadir. Dua MP sahaja dicadangkan dari tiap-tiap parti yang boleh hadir. Saya yang *fight* untuk 100 orang... *[Tepuk]* Saya. Kemudian setelah dibincangkan dan di-*negotiate,* maka kita konsensus 80. Saya yang *fight* untuk lebih, bukan orang lain. Itu nombor dua.

Nombor tiga, mengenai 80 orang ini. Kita *agreed* 41-39 ini untuk mencerminkan majoriti di dalam Dewan Rakyat sekarang ini. Itu semasa kehadiran dan perbahasan sahaja. Akan tetapi kalau masa ditakdirkan ada undi belah bahagian, maka kita sudah setuju untuk membunyikan loceng dua minit, ditempohkan lagi 10 minit dan bunyikan loceng lagi dua minit supaya semua Ahli-ahli Parlimen di perkarangan Parlimen sama ada di bangunan mereka itu dapat datang dan mengundi. *So,* kita tidak akan hadkan nombor pengundian kepada 80 sahaja- 41 di sini dan 39 di sini. Tidak ada. Masa mengundi, semua kita akan beri peluang. Dua minit loceng bunyi, 10 minit kita tempoh, dua minit lagi loceng bunyi supaya semua dapat hadir untuk mengundi.

■1230

Jadi tidak ada pembohongan atau penipuan seperti yang saya tengok dalam *Twitter* tadi itu. Saya rasa itu salah lah. Amat salah sekali. Dia cuma ambil yang 80 orang ini sahaja, tetapi dia tidak baca yang *last* ini. *Last* ini dia kata, masa mengundi itu. Masa mengundi itu semua orang boleh datang. Ini tidak ada, tapi tadi ada dalam pemasyhuran itu, kalau mengundi dua minit dibunyikan loceng, 10 minit ditempoh, dua minit lagi dibunyikan loceng dan semua orang dibenarkan hadir untuk mengundi.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa kita telah menjelaskan banyak kalilah. Ini konsensus Yang Berhormat Bayan Baru.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Betul-betul. Saya faham, sayu akur.

Tuan Yang di-Pertua: Tolonglah.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Akan tetapi saya hendak tanya, adakah sidang Dewan itu *full day* kah atau tetap masih *half day*? Ini kerana dengan langkah-langkah...

Tuan Yang di-Pertua: Hingga pukul 2 petang, hingga pukul 2 petang.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Hingga pukul 2 petang? Saya mohon Tuan Yang di-Pertua dan ketua-ketua Whip timbang semula kerana kita telah...

Tuan Yang di-Pertua: Duduklah. Tadi sudah dibuat...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: ...Mengambil langkah-langkah yang begitu ketat, maka ada keperluan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bayan Baru ini keputusan secara konsensus semua *Chief Whip.*

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Betul Tuan Yang di-Pertua, tapi...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tetapi tolonglah jangan *revisit* lagi.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Betul, tetapi kita perlukan perbahasan daripada parti dan sebagainya.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Tuan Yang di-Pertua, dia orang ini masuk lewat tadi, benda dah selesai pagi tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sudah selesai.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Yang Berhormat Jelutong masuk lewat, semua masuk lewat. Benda dah selesai dah, rugi masa ini, rugi masa.

Tuan Yang di-Pertua: Mari kita, saya hendak sambung...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas penjelasan itu. Saya cuma ada satu lagi perkara. Kalau kita boleh, saya minta Yang Berhormat, tolong sabar. Kalau kita boleh dibenarkan masuk ke Dewan ketika kita diperlukan untuk mengundi, kenapakah kita tidak dibenarkan untuk berada dalam Dewan ketika sesi bersidang?

Tuan Yang di-Pertua: Ini sebab lamalah. Mengundi tu kita hadkan masa mengundi tu 20 minit ke-15 minit. Rasionalnya itu kita tidak hendak *expose* kepada *crowd* yang ramai dalam masa yang lama. Itu rasionalnya, ya.

Saya ada sikit pemakluman lagi mengenai *press conference* esok ini. Ahli Yang Berhormat, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, esok Jumaat, 6 November 2020 Pembentangan Belanjawan 2021 di Dewan Rakyat. Saya ingin memaklumkan bahawa sidang media selepas Pembentangan Belanjawan 2021 akan dibuat di Dewan Bankuet, Blok Utama Parlimen Malaysia.

Sebahagian daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, Jemaah Menteri akan membuat dahulu sidang media, selepas itu diikuti oleh Ahli Yang Berhormat *Backbencher* dan kemudiannya saya menjemput Yang Berhormat Ketua Pembangkang serta juga Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pihak pembangkang dan Bebas untuk mengadakan *press conference* di situ juga.

Ini adalah kerana sebab COVID-19 ini, pemberita-pemberita dihalang daripada memberhentikan Ahli Yang Berhormat untuk *interview* di tepi-tepi lorong di sebelah ini dan sebagainya jadi kita buat *press conference* tu di satu tempat.

Saya juga ingin menasihatkan Ahli Yang Berhormat yang tiada keperluan mendesak di kawasan masing-masing untuk terus kekal di Kuala Lumpur dan tidak pulang ke kawasan Ahli-ahli Yang Berhormat memandangkan kes penularan wabak COVID-19 yang semakin meningkat di seluruh negara. Ini juga nasihat daripada Yang Berbahagia Tan Sri *Director General of Health*. Ini adalah demi kebaikan dan kemaslahatan semua pihak agar kita sama-sama terhindar daripada wabak yang membawa maut ini.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Mohon penjelasan Tuan Yang di-Pertua, mohon penjelasan.

Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Hendak tanya balik kawasan ini. Minta maaf kerana, saya tahu sebelum ni bila saya baca nasihat dan cadangan, kita boleh balik kawasan tapi tidak boleh ada mesyuarat yang besar. Kita boleh balik kawasan Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, boleh balik kalau ada keperluan. Akan tetapi, ikut SOP lah.

Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya hendak bangkitkan perkara di mana perjemputan daripada wakil media ini dalam Parlimen. Ini satu pembentangan bajet yang sangat serius dan juga penting untuk negara.

Sekarang saya dengar ada media-media yang dipilih sahaja diberikan kebenaran untuk masuk ke dalam Dewan, contohnya *Sinar*. *Sinar* tidak dijemput walaupun *Sinar* ialah satu bentuk media yang radius dia tinggi. *Malaysiakini*, radius dia tinggi.

Fasal apa kita sekat dengan media-media dari sosial media ini yang tak masuk. Ini sebab sekarang di dalam negara kita yang kita baca berita ini ialah melalui sosial media. Bukan daripada *prints* yang biasa. Fasal apa, kita ada satu, saya boleh katakan pilih kasihlah kepada media-media tertentu.

Ini sebab bajet ini dikatakan Tuan Yang di-Pertua dengan eksekutif kita ini satu bajet yang penting di dalam negara kita dan kita tidak ada *coverage* untuk media semasa. Saya minta, untuk kita beri perhatian kepada semua media untuk dia ada di dalam Parlimen. Kalau kita sekat dalam bilik bankuet, bilik bankuetlah. Mereka boleh ada di sana.

Tuan Yang di-Pertua: Saya dah perhatikan fasal media ini. Sebenarnya orang kata kita menyekat kebebasan media, tidak adapun. Kalau kita menyekat kebebasan media, maka kita tidak benarkan mana-mana media sekalipunlah.

Saya telah secara peribadi turun ke bawah, tempat media itu. Pada sesi yang lepas, seramai 137 orang ahli media di situ, memang *impossible.* Tak boleh buat *social distancing.* Kalau ada *press conference* memang penuh. So, saya telah berurus dengan pihak Ketua Pentadbir Parlimen dan mereka mengatakan cuma dalam 60 orang sahaja boleh berada di bawah itu, tempat media itu.

Jadi, maka mereka pun memilihlah RTM dan BERNAMA tu semestinyalah kerana dia media *official* dan lain-lain tu dipilih oleh pihak Ketua Pentadbir mengikut budi bicara mereka. Jadi itulah keputusan mereka dan saya rasa semua orang kenalah berkorban. Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sabah berkorban dengan amat berat sekali, 14 hari mereka kena kuarantin. *I feel bad for them,* tetapi terima kasih atas kematangan mereka, mereka sanggup dikuarantin 14 hari, dan tidak balik ke kawasan.

Jadi kita dan Ahli-ahli Parlimen pun kena berkorban. Kita tidak boleh pergi ke merata-rata tempat semata-mata untuk memelihara kesihatan kita semua ini. Kemudian saya rasa pihak media pun terpaksalah berkorban sikit. Jadi semua kenalah...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ada Menteri tidak kuarantin langsung... *[Dewan ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Sepang. Jadi, mari kita jalankan perbahasan sekarang. Saya ingin menyambung perbahasan dengan meminta Yang Berhormat Menteri untuk *winding up the speech* nya. Saya tidak tahu sama ada kita boleh habiskan soal rang undang-undang ini pada hari ini.

Saya serahkan kepada Yang Berhormat Menteri untuk menamatkan, *winding up* beliau pada hari ini, kalau boleh. Silakan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KOPERASI (PINDAAN) 2020

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini Dibacakan Kali Yang Kedua sekarang." ***[4 November 2020]***

12.37 tgh.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Timun di tangan Tuan Yang di-Pertua, pisau di tangan Tuan Yang di-Pertua. Jadi sudah tipis-tipislah dia. Jadi, kalau Tuan Yang di-Pertua minta saya habiskan, *insya-Allah* saya boleh habiskan dalam masa walaupun singkat. Akan tetapi kalau Tuan Yang di-Pertua fikir...

Tuan Yang di-Pertua: Kalau boleh kita habiskan, kita...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Menteri, habiskan, habiskan. Kami tunggu ini.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau bolehlah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kalau belah bahagi pun kami menang... *[Dewan ketawa]*

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung apa yang telah saya berhenti semalam iaitu daripada persoalan yang dibangkit oleh Yang Berhormat Jelebu, Yang Berhormat Gerik dan Yang Berhormat Sik berhubung dengan mengenai kriteria khusus untuk mengalaskan koperasi di Malaysia. Jadi program pembangunan untuk meningkatkan aktiviti koperasi, mengklasifikasikan koperasi mengikut *tier* berdasarkan prestasi kewangan dan bukan kewangan.

Kedua, menggalakkan penubuhan koperasi secara lebih bersasar seperti persatuan kerja iaitu kesatuan guru, kesatuan pekerja bank, golongan belia, wanita dan OKU khususnya kepada anggota yang kehilangan pekerjaan semasa COVID-19.

Ketiga, menggalakkan koperasi mencari dalam bidang pendigitalan termasuk dalam bidang *e-commerce, e-marketing* dan *internet banking.* Dalam hal ini, IKM berperanan untuk memberi latihan kepada koperasi. Kelima, mempromosi gerakan koperasi melalui media massa untuk meningkatkan kesedaran kepada masyarakat mengenai kepentingan dan kelebihan koperasi. Promosi ini juga bagi menggalakkan produk koperasi menembusi pasaran luar negara.

Sementara itu juga, Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Ledang, Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Kangar, Yang Berhormat Batu Gajah dan Yang Berhormat Sik memohon penjelasan status koperasi yang tidak aktif domain dan bermasalah. Bagi menangani isu koperasi domain tidak aktif, kementerian melalui SKM telah mengambil tindakan seperti berikut.

■1240

(i) khidmat nasihat kepada koperasi khususnya berkenaan kuasa dan kewajipan lembaga;

(ii) khidmat nasihat aktiviti perniagaan selaras dengan matlamat koperasi untuk memudahkan operasi anggotanya mengikut prinsip koperasi; dan

(iii) khidmat nasihat pematuhan undang-undang terutama berkenaan kepentingan untuk mengadakan mesyuarat agung urus pengauditan lagi membolehkan penglibatan bersama anggota dalam urusan dasar dan hala tuju koperasi.

Kebiasaannya, suruhanjaya memberikan tempoh selama 12 bulan untuk koperasi melaksanakan tindakan pemulihan tersebut. Sekiranya selepas tempoh setahun atau tempoh yang lebih panjang diberi oleh suruhanjaya dan tidak ada tindakan berkesan dilaksanakan oleh koperasi, maka suruhanjaya boleh membatalkan pendaftaran koperasi.

Yang Berhormat Bayan Baru, Yang Berhormat Sik, Yang Berhormat Batu Gajah dan Yang Berhormat Pontian memohon penjelasan mengenai bantuan pembangunan koperasi terjejas pasca COVID-19- *post-COVID-19,* dan kaedah pemantauan tadbir urus koperasi. Bantuan dan pemantauan oleh kementerian melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) menyediakan bantuan pembangunan dengan jumlah sehingga RM300 ribu bagi merangsang dan mengembangkan aktiviti perniagaan koperasi dalam pelbagai bidang ekonomi.

Keduanya, sumber bantuan pembangunan ini diperoleh dari Rancangan Malaysia Kesebelas (2016-2020) dengan jumlah peruntukan sebanyak RM25 juta. Sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas, sebanyak 500 buah- koperasi telah memperoleh manfaat daripada peruntukan bantuan pembangunan ini dengan jumlah keseluruhannya bantuan yang telah diluluskan sebanyak RM24.687 juta.

Setiap bantuan pembangunan yang diluluskan, dipantau oleh pegawai SKM di setiap wilayah dan negeri melalui laporan pengesanan bantuan bagi tempoh enam bulan dan hingga ke-12 bulan. Selepas tempoh berkenaan, pemantauan secara berkala akan dibuat oleh pegawai SKM yang berkenaan bagi memastikan bantuan pembangunan yang diluluskan dapat manfaat oleh koperasi mengikut skop bantuan dan diluluskan untuk meningkatkan pendapatan koperasi dan kebajikan anggota koperasi.

Yang Berhormat Pasir Mas, Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat Setiu dan Yang Berhormat Kemaman membangkitkan isu galakan dan pendidikan keusahawanan koperasi kepada mahasiswa. Pendidikan keusahawanan dan koperasi dan pendidikan keusahawanan mahasiswa belia, kita telah melaksanakan kerjasama strategik dengan Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Belia dan Sukan. Program pembudayaan koperasi atau dikenali sebagai *MIDEC in Campus*.

Kedua, program bagi meningkatkan keupayaan koperasi siswa di universiti bersama Kosiswa. Ketiga menawarkan program tadbir urus dan perniagaan, program khidmat perundingan berdasarkan khidmat nasihat dan bimbingan secara bersasar.

Kompetensi ahli lembaga koperasi. Kursus wajib oleh semua anggota lembaga koperasi yang dilantik berdasarkan Garis Panduan GP5 Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Kursus generik bagi meningkatkan kompetensi ahli lembaga dan pengurusan koperasi, pengurusan kepimpinan, perniagaan, pendigitalan, perakaunan dan kewangan juga dilaksanakan.

Kompetensi juruaudit dalam koperasi. Kursus wajib yang dilaksanakan, kursus ini dibuat wajib dihadiri berdasarkan Garis Panduan GP5 yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Kursus generik bagi meningkatkan keupayaan juruaudit dalaman koperasi dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab dalam empat bidang iaitu pengurusan risiko, pengurusan dan pentadbiran koperasi, pengurusan kewangan koperasi dan pengurusan strategik. Sijil Audit Dalaman koperasi juga akan diberi.

Keusahawanan koperasi menawarkan kursus bidang keberhasilan utama berdasarkan sektor berikut:

(i) pemborong dan peruncitan;

(ii) pelancongan;

(iii) penjagaan diri dan kesihatan;

(iv) pertanian dan industri makanan; dan

(v) hartanah dan industri perumahan.

Program peningkatan pendapatan koperasi melalui latihan dan bimbingan secara bersasar. Memperkasakan digitalisasi koperasi di bawah CODE:

(i) dipertingkatkan kesedaran digitalisasi koperasi;

(ii) adaptasi aplikasi teknologi; dan

(iii) bimbingan akses pasaran.

Yang Berhormat Sepang dan Yang Berhormat Sik memohon penjelasan di bawah pindaan seksyen 24 iaitu kesan kepada penama dan juga kesan kepada keluarga-keluarga si mati yang sekiranya pemilik memeluk agama Islam. Pindaan seksyen 24-koperasi, penama-penama oleh anggota yang asal bukan beragama Islam. Penama bertindak sebagai waris pentadbir harta kepada harta si mati bukan pemilik mutlak kepada harta si mati.

Kedua, sekiranya anggota tersebut meninggal dunia, penama sebagai pemegang amanah perlu mengurus harta si mati bersama-sama dengan waris yang berhak mewarisi harta si mati. Cara pembahagian harta si mati boleh dilaksanakan dengan kaedah...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Boleh dapatkan penjelasan? Beruas, Beruas.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ya.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tahu kenapa perlu dibuat pindaan yang dicadangkan kalau itulah pendirian pihak kerajaan berkenaan dengan waris atau harta orang Islam yang meninggal. Ini kerana dalam peruntukan sekarang, kalau seseorang Islam yang meninggal dunia, harta ataupun saham dalam koperasi akan diberikan kepada *legal representative*. Jadi daripada bacaan saya, niatnya ialah untuk diberikan kepada penama.

Jadi maksudnya kalau penama itu hanya juga menjadi wakil kepada harta si mati- dalam kes ini saham beliau, ia tidak menunjukkan apa-apa pindaan yang perlu. Boleh dapatkan penjelasan? Tadi dikatakan *legal representative* yang sedia ada. Kalau penama itu pun sebagai *trustee* untuk ditadbir, saya tak nampak apa niat ataupun *the purpose of this amendment*. Minta penjelasan.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Ada dua perkara. Pertama, orang Islam. Apabila seseorang Islam meninggal, harta benda itu patut diurus menerusi syariah ataupun faraid untuk membahagikan harta mengikut faraid. Jadi pelantikan ini adalah penting supaya boleh dilantik orang yang berurusan dengan pihak-pihak yang melaksanakan perundangan Islam itu sendiri, yang mana pengalaman daripada pihak SKM, waris yang ramai itu tidak boleh memberi persetujuan siapa yang dilantik.

Yang Berhormat mengetahui sendiri, mungkin banyak pengalaman dalam sudut pelantikan *administrator* dalam satu-satu harta orang yang telah meninggal. Kadang-kadang kalau seorang sahaja tak bersetuju, pelantikan *representative* itu tidak dapat akan terlaksana. Itulah kenapa dalam perundangan ini kita hendak *define* supaya dapat mengatasi masalah tersebut.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Jadi Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya hendak dapat penjelasan sebagai seorang peguam. Dengan pindaan yang hendak dibuat ini, kalau itulah kedudukan, penama yang dinamakan itu pun akan mengalami masalah yang sama. Kalau ada waris-waris tidak bersetuju dengan pengagihan, bagaimana penama- *nominee,* ini boleh menyelesaikan masalah yang sedia ada?

■1250

Ini kerana pada masa sekarang ini, memang *legal representative* itu tidak dapat dipilih kalau ada pertikaian. Jadi, kalau *nominee* pun hanya jadi wakil *legal representative,* pertikaian antara waris-waris ini pun tidak dapat diselesaikan. *So, do we resolve?* Pada hemat saya, saya sangka niatnya ialah untuk menyelesaikan masalah ini. Kita namakan pewaris dan pewaris itu mengambil harta sebagai yang di...

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Okey, baik, baik Yang Berhormat. Saya faham Yang Berhormat. Saya faham, saya faham...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Ini kerana hendak...

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *No, no.* Yang Berhormat, saya faham. Saya sudah faham. Saya boleh jawab itu.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Kalau boleh, saya maksudnya, niatnya ialah satu pemberian, hibah di dalam Islam, maksudnya masa seseorang itu masih hidup, kita katakan hendak bagi kepada- kalaulah seorang yang bukan Islam dan dia masuk Islam tetapi abang dia telah pun menolong dia di dalam mencapai pendidikannya ke universiti dan membayar banyak duit, mungkin adik yang sudah jadi Islam, dia mungkin kata, *"Kalau saya meninggal, saya hendak tinggalkan sedikit harta untuk abang saya yang telah pun berjasa kepada saya".* Jadi, boleh...

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, jangan, jangan ambil peluang untuk peluang untuk berucap, Yang Berhormat. Saya faham peraturan Dewan ini. Saya tahu soalan itu. Saya akan jawab.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Ini sebab- okey. Maksud saya...

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Duduk Yang Berhormat. Saya akan bagi jawapan.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Kita hendak Yang Berhormat Menteri jelaskan masalah inilah dan kalau ia tidak diselesaikan...

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ya, saya pun jelas. Kalau Yang Berhormat tidak faham, tanyalah dekat luar selepas ini.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Pertanyaan itu panjang sangat.

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi Yang Berhormat, macam ini. *Tier* yang pertama ialah pelantikan seseorang yang bakal berurusan dengan pihak, contohnya kalau menjadi Islam yang mengagihkan sumber kewangan itu nanti. Kita hendak lantik orang- *the tier* pertama itu kita hendak uruskan supaya pihak SKM boleh berkuasa melantik seorang ini sebagai wakil.

Akan tetapi dalam keadaan yang sekarang, kita hendak melantik yang pertama itu pun kita tidak boleh atasi. Jadi, itulah kenapanya pelantikan yang– Pembahagian harta itu, tidak ada orang yang hendak boleh membahagikan harta. Sekarang kita hendak lantik orang yang boleh membahagikan harta. Harta itu belum dibahagikan lagi, Yang Berhormat. Bukan dia yang punya. Dia hanya pelantikan pada orang yang akan membahagikan harta itu di bawah undang-undang ini.

Jadi, itu sahaja penjelasan saya, Yang Berhormat. Saya hendak teruskan...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, boleh? Saya punya soalan tadi, boleh ya?

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja penggulungan saya untuk tentang rang undang-undang ini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan saya itu, nombor 4(a) itu... *[Dewan riuh] Come on* lah Yang Berhormat Menteri, takut kah?

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Apa, apa itu, Yang Berhormat?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Cukup, cukuplah Yang Berhormat. Kami sudah jelas sudah.

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Menteri...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kami yang berucap sudah jelas. Bagus Yang Berhormat Menteri. *Very good.*

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, saya...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, sanggup jawab. Silakan.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Okey, saya sambung dengan kes cerita-cerita yang lain Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, boleh tidak? Saya yang tanya soalan nombor 4(a) ini. Boleh tanya? *Kan?* Boleh?

Seorang Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sudah. Saya tidak hendak jawab lagi itu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Kenapakah tidak hendak pula? Saya tanya sikit.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya ada lagi banyak Yang Berhormat sebab ini ada...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Takutlah itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri tidak benarkan. Ya.

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ledang dan Yang Berhormat Sik memohon penjelasan daripada kementerian mengenai Tabung Modal Pusingan yang ditawarkan kepada koperasi di seluruh Malaysia. Jumlah pembiayaan Tabung Modal Pusingan SKM apabila diluluskan dahulu pada tahun 1985 ialah jumlahnya RM2.13 bilion, Tuan Yang di-Pertua, dengan akaun berjumlah 1,700 berbanding bilangan koperasi sebanyak 14 ribu buah- koperasi buah pada ketika itu.

Jadi, dalam kajian untuk memudahkan dasar dan peraturan seperti pembiayaan maksima daripada RM10 juta kepada RM30 juta bagi tiap-tiap koperasi dan pembiayaan tanpa cagaran hingga RM100 ribu. Ia berlandaskan apa aktiviti yang koperasi itu laksana, Tuan Yang di-Pertua. Promosi kemudahan pembiayaan ini ditingkatkan supaya gerakan koperasi di seluruh Malaysia sedar akan kemudahan pembiayaan yang ditawarkan oleh Suruhanjaya Koperasi melalui dana Tabung Modal Pusingan ini.

Kedua, prestasi semasa kutipan bayaran balik pembiayaan Tabung Modal Pusingan Suruhanjaya Koperasi. Daripada jumlah RM2.13 bilion, kutipan bayaran balik yang diterima oleh SKM sebanyak RM913 juta. Baki pembiayaan Tabung Modal Pusingan SKM yang terkini ialah RM1.2 bilion. Bagi tunggakan melebihi enam bulan, tindakan undang-undang telah diambil bagi menuntut bayaran tunggakan berjumlah RM52.3 juta daripada 52 buah koperasi. Tindakan undang-undang ini akan dijalankan secara berterusan ke atas koperasi-koperasi yang mempunyai baki hutang tertunggak.

Yang Berhormat Kangar memohon penjelasan berkaitan kebajikan pekerja koperasi ini daripada segi caruman, aspek percukaian dan sebagainya. Isu kebajikan pekerja koperasi. Kebajikan pekerja koperasi tertakluk kepada mana-mana perundangan bertulis seperti caruman di bawah PERKESO dan KWSP. Kedua, selain daripada itu, koperasi turut menyediakan tabung kebajikan khairat kematian dan tabung pasaran untuk pekerja koperasi.

Yang Berhormat Pasir Mas, Yang Berhormat Kangar, Yang Berhormat Pasir Gudang, Yang Berhormat Tebrau dan Yang Berhormat Selayang, memohon penjelasan usaha kementerian untuk mengembangkan ataupun *consolidate* supaya koperasi-koperasi kecil ini dapat berfungsi dengan lebih baik. Pertama, tindakan yang diambil oleh pihak Suruhanjaya Koperasi dalam tindakan memperkemaskan peranan koperasi angkat iaitu ANGKASA untuk memelihara kepentingan koperasi serta membantu koperasi meningkatkan prestasi perniagaan ke arah mencapai sasaran transformasi koperasi.

Kedua, Suruhanjaya Koperasi dalam usaha menggabungkan koperasi mengikut sektor ekonomi bagi tujuan meningkatkan daya saing serta daya tahan serta meningkatkan manfaat kepada anggota. Ketiga, ini termasuk usaha memperkasakan sektor pemborongan, peruncitan, contoh- AKRAB, untuk mengukuhkan dan memantapkan penguasaan rantaian bekalan dan rantaian nilai melalui *outlet* dan pusat pengedaran koperasi di seluruh Malaysia.

Status pelaksanaan Program Pembekalan Barangan Asas sehingga tahun 31 Oktober 2020 adalah seperti berikut. Aplikasi JiMAT sebanyak 1,688 *outlets.* Bilangan *outlet* yang membuat tempahan melalui sistem jimatbiz.com sebanyak 301 *outlets.* Nilai tempahan berjumlah RM1,883,663.38.

Yang Berhormat Batu Gajah memohon penjelasan mengenai kajian yang telah dilaksanakan untuk mengetahui tahap kepuasan yang dicapai oleh ahli-ahli koperasi. SKM telah melaksanakan Kajian Indeks Gerakan Koperasi 2018 bertujuan menilai kepuasan anggota operasi.

Dapatan kajian menunjukkan tahap pencapaian adalah sederhana. Kajian yang ada pertama dijalankan oleh SKM mengikut enam *dormant* yang merangkumi:

(i) ekonomi anggota;

(ii) pembangunan kendiri;

(iii) keberkesanan pengurusan;

(iv) tadbir urus dan kawal selia;

(v) hubungan sosial; dan

(vi) penggunaan teknologi.

Yang Berhormat Batu Gajah juga bertanya memohon penjelasan mengenai faktor-faktor yang menggalakkan peningkatan aset gerakan koperasi. Faktor-faktor tersebut merangkumi keyakinan anggota kepada koperasi. Penglibatan dalam aktiviti ekonomi berimpak tinggi dan tadbir urus yang efektif. Yang Berhormat Sik memohon penjelasan perbezaan pindaan ke atas seksyen 51(a), dan pindaan 8(1) akan memberi kebenaran kepada golongan spesifik yang mendaftarkan koperasi. Modal yang boleh diadaptasi oleh koperasi di Malaysia *model worker cooperative* sebagai *Mondragon Cooperative* di Sepanyol di mana ia ditubuhkan pada tahun 1956 oleh...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: ...Graduan pada kolej teknik.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, panjang lagi?

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Memang panjang lagi. Panjang, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau begitu, kita sambung pada Mesyuarat yang akan datang.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar] Tuan Yang di-Pertua, boleh kan lanjutkan masa. Maksimum selama 15 minit.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ada Mesyuarat selepas ini. Maaf.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kita minta mengundi hari inilah, Tuan Yang di-Pertua, sebab kita ada banyak lagi rang undang-undang.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: *Relax* lah. Tidak akanlah hendak mengundi hari ini. Bahas betul-betullah.

Tuan Yang di-Pertua: Maaf...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Siapakah yang campur tangan dalam percakapan saya?

Tuan Yang di-Pertua: Oleh sebab masa tidak mencukupi, maka perkara ini akan dibawa ke Mesyuarat yang akan datang. Ahli-ahli Yang Berhormat...

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Baik Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dengan ini saya tangguhkan Mesyuarat pada hari ini sehingga hari Jumaat, 6 November 2020, pukul 4 petang.

Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* semua.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 1.01 petang]